

# Tribunputra

Wadah Gagasan Keprihatinan

Bil. 50 . KDN: PP10540/6/2006 . FEBRUARI, MAC & APRIL 2006 . www.tribunputra.upm.edu.my

Emas tetap  
diraih UPM di  
Geneva muka 2  
UPM iktiraf  
penyelidik  
cemerlang tahun  
2005 muka 3



Peserta  
Kursus  
2/2006  
berdialog  
dengan  
Menteri  
Pengajian  
Tinggi muka 5



UPM meterai  
Mou dengan  
Universitas  
Airlangga,  
Indonesia muka 27



## UPM TERIMA KUNJUNGAN DATO' MUSTAPA MOHAMED



Naib Canselor UPM (dua dari kanan) bersama ketiga-tiga Timbalan Naib Canselor saling bertukar pendapat dengan Dato' Mustapa Mohamed.

SERDANG (22 Mac) - 'Dua jam penuh makna' inilah dapat disimpulkan dan jelas terpamer di setiap wajah pihak pengurusan, pegawai kanan, para pegawai pentadbiran dan akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) setelah berpeluang mengikuti Majlis Perjumpaan dengan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Dato' Mustapa Mohamed, dekat sini, baru-baru ini.

Lawatan kerja yang berlangsung pada jam 5.00 petang di Bilik Lembaga, Tingkat Satu, Bangunan Pentadbiran UPM diadakan untuk menjalin hubungan telus dan proaktif di kalangan Institusi Pengajian Tinggi khususnya di UPM ini menjadi wadah kerjasama erat dan bersepada ke arah kecemerlangan universiti untuk terus menjana kepakaran yang dimiliki.

Aktiviti penuh manfaat ini merupakan antara senarai tugas Dato' Mustapa Mohamed yang baharu dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi yang sebelum ini merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selepas pengumuman Rombakan Kabinet oleh YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya pada 14 Februari 2006 lalu.

Menurut Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, Noorizai Mohamed Noor, perjumpaan ini dapat menjelaskan pentadbiran UPM. Termasuklah, berkaitan mahasiswa, penyelidikan, pertanian dan pegawai akademik kepada Dato' Mustapa Mohamed. Sesi soal jawab secara dua hala berjalan lancar dan berkesan.

Kunjungan ini sungguh bermakna kerana membuktikan UPM tetap dan sentiasa mendapat perhatian kerajaan. Ini menunjukkan kesibukan sebagai menteri bukan menjadi batu penghalang untuk beramah mesra dan saling kenal mengenali dengan pegawai di UPM.


(Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RIF)

## SAMBUTAN PERAYAAN

Jubli Intan

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2006



as / M  
2006  
15

# Emas tetap diraih UPM di Geneva

.... kejayaan penyelidik UPM ini menunjukkan kualiti penyelidikan yang setanding dengan taraf antarangsa dan menjadi medan persaingan sibat di kalangan semua penyelidik di institut pengajian tinggi awam di negara ini....  
Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM, Prof. Madya Dr. Raha Abdul Rahim

**GENEVA** - Universiti Putra Malaysia (UPM) terus mencipta kejayaan dan mengutip pingat dalam *International Exhibition Of Inventions, New Techniques and Products, Geneva 2006* pada 5 - 9 April 2006 lalu.

Tiga emas, dua perak dan tiga gangsa berjaya dimenangi oleh para penyelidik UPM pada kali ini.

Kecemerlangan emas diperolehi melalui Prof. Madya Dr. Asmah Yahya dari Fakulti Sains dengan produk penyelidikan *LaSt 24* dan turut memenangi merit from Jury.

Diikuti, Prof. Dr. Kaida Khalid, dengan produk *Dual Frequency Microware Latexometer and Liquid*

*Moister Meter, dan Expert system for Socio-technical Disaster Management* ciptaan Aini Mat Said dan Prof. Madya Dr. Fakhru Radzi Ahmadun.

Pungutan perak pula dimenangi Prof. Madya Dr. Hawa Ze Jaafar melalui produk *Carbon Dioxide Enrichment Technique for the lowland Controlled Environment System*, dan Prof. Madya Dr. Mohamad Pauzi Zakaria sebagai ketua delegasi dengan produk *A Novel Method, HC MadeEZ to determine Hydrocarbon pollution from Landfill Leachates*.

Kejayaan gangsa diraih oleh Muhammad Rezal Kamel Ariffin (*The Super Secured Messaging System 500 (SSMS 500)*), Prof. Dr. Abdel Magid S

Hamouda dan Prof. Madya Dr. Wong Shaw Voon (*Composite for Anti Ballistic Threat Armor*), Prof. Dr. Abdel Magid S Hamouda dan Prof. Madya Dr Wong Shaw Voon, (*Ballistic Automated Network Gun Systems*).

Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM, Prof. Madya Dr. Raha Abdul Rahim berkata kejayaan penyelidik UPM ini menunjukkan kualiti penyelidikan yang setanding dengan taraf antarangsa dan menjadi medan persaingan sihat di kalangan semua penyelidik di institut pengajian tinggi awam di negara ini.

# Staf DUMEX terima Sijil Program Pembangunan Kualiti kerjasama UPM



Majlis penghargaan yang julung kali diadakan di IPTA.

*"Pihak kami sangat berterima kasih kepada pihak UPM yang memberi dorongan dalam membantu pihak kami untuk menguatkan keupayaan kakitangan kami dalam memberi peluang kepada kakitangan kami untuk menimba ilmu yang berkaitan dengan bidang kerjaya masing-masing."*

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI  
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

**SERDANG (21 Mac)** - Sembilan belas staf Dumex (Malaysia) Sdn Bhd muncul kumpulan pertama menerima Sijil Program Pembangunan Kualiti yang diperkenalkan syarikat itu dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengarah Urusan syarikat tersebut, Bjorn Lynggaard berkata pihaknya gembira dengan adanya usaham sebegini dengan pihak UPM. Bukan sahaja kakitangan sahaja yang mendapat manfaatnya tetapi juga pada sektor pembangunan industri ini dalam membantu ekonomi Malaysia.

Dengan adaanya program ini, pihak pengurusan Dumex berharap program ini membolehkan pekerja meningkatkan pengetahuan dan mengembangkan kemahiran kakitangan di bahagian pemantauan kualiti

"Pihak kami sangat berterima kasih kepada pihak UPM yang memberi

dorongan dalam membantu pihak kami untuk menguatkan keupayaan kakitangan kami dalam memberi peluang kepada kakitangan kami untuk menimba ilmu yang berkaitan dengan bidang kerjaya masing-masing."

Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Nik Mustapha Raja Abdullah berkata dengan adanya usaha sama sebegini dapat membantu pihak institusi pengajian tinggi dalam membina kerjasama yang utuh antara syarikat luar. Selain itu, ini membantu dalam karier dan membina sifat tanggungjawab pada individu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar turut menyokong usahasama ini adalah satu perkara yang positif kepada pekerja bagi memantapkan lagi kemahiran dan pengetahuan dalam bidang masing-masing. Turut hadir, Ketua Pengarah, Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Md Yunus Razzaly.

Tribun Putra diterbitkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia, Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat disamping pelbagai rencana, berita, laporan semasa berkaitan bidang pendidikan dan penyelidikan negara.

Surat menyurat dan kiriman artikel/berita/rencana hendaklah dialamatkan kepada:

**Pengarang Tribun Putra**  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor.

Telefon: 03-8946 6013 / Faksimili: 03-8948 7273  
email: tribunputra\_bkk@yahoo.com  
Edisi Online: www.tribunputra.upm.edu.my

# UPM IKTIRAF PENYELIDIK CEMERLANG TAHUN 2005

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI

Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**BANGI (23 MAC)** - Kecemerlangan dan kehebatan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjaya mengharumkan nama negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa diberi pengiktirafan oleh pihak universiti kepada penyelidik yang menunjukkan kecemerlangan dalam tahun 2005 pada Majlis Anugerah Penyelidikan 2005.

Majlis ini akan dijadikan acara tahunan universiti bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan para penyelidik UPM ke arah Universiti

Penyelidikan Bertaraf Antarabangsa, sejajar dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi bagi menggalakkan tenaga pengajar universiti menghasilkan penyelidikan baru agar mampu dikomersialkan untuk pembangunan negara masa kini.

Kesemua penyelidik ini menerima sijil dan penghargaan yang disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed di Hotel Equatorial, Bangi baru-baru ini.

Penganugerahan yang diberikan adalah mengikut kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Komersialisasi iaitu anugerah kepada para



Antara penyelidik yang dirai.

penyelidik yang telah cemerlang dalam mengkomersialkan produk penyelidikan berbentuk fizikal dan telah menembusi pasaran, yang diterima oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Hair Bejo dari Fakulti Perubatan Veterinar dan beliau telah berjaya menghasilkan produk *Infectious Bursal Disease (IBD) Vaccine*.

Seterusnya, Anugerah Penerbitan Cemerlang iaitu penganugerahan kepada penyelidik yang berjaya menghasilkan penerbitan 'citation-index' jurnal tertinggi dalam tahun 2005, Bidang Sains & Teknologi di menangi oleh Prof. Madya Dr. Ir. Mohd Sapuan Salit dari Fakulti Kejuruteraan dan Dr. Jegatheswaran Ratnasingam dari Fakulti Perhutanan.

Dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan telah dimenangi oleh Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Baharumshah dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Manakala, Anugerah Khas dimenangi oleh Prof. Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi dari Fakulti Kejuruteraan, Prof. Datin Dr. Khatijah Mohd Yusoff dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul dan Prof. Dr. Nordin Lajis dari Institut Biosains.

Anugerah Penyelidik Muda yang dikhurasukan kepada penyelidik yang berumur 35 tahun ke bawah dan telah

menunjukkan prestasi penyelidikan yang memberangsangkan dan pencapaian yang membanggakan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa dalam Bidang Sains & Teknologi dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Mohd Adzir Mahdi dari Fakulti Kejuruteraan dan Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan diterima oleh Dr. Samsilah Roslan dari Fakulti Pengajian Pendidikan.

Anugerah Penyelidik Cemerlang 2005 dimenangi oleh kumpulan delegasi ke *World Exhibition of Innovation, Research and New Technologies (Eureka 2005)* iaitu Prof. Dr. Shattri Mansor, Prof. Madya Dr. Mohd Khazani Abdullah, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Dr. Thamer Ahmed Mohammed dan En. Mohd Hanif Yaacob dari Fakulti Kejuruteraan.

Turut diberi penghargaan kepada para penyelidik yang terlibat dalam Pameran Antarabangsa, penghargaan kepada penyelidik yang berjaya memenangi pingat dalam pameran penyelidikan di peringkat antarabangsa. Antara pameran yang berjaya adalah *International Exhibition Of Inventions, New Techniques and Products Geneva 2005 (Geneva 2005)*, *Invention & New Product Exposition (INPEX 2005)* dan *The British Invention Show 2005 (BIS 2005)*.




Tribun Putra mendapat perhatian daripada Dato' Mustapa Mohamed.

## TEMPIAS

oleh: Ady

PERISTIWA : HARGA MINYAK NAIK  
NASIHAT PEMIMPIN : UBAH GAYA HIDUP  
NASIHAT ZAMAN BERZAMAN : KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN



## Berita Ringkas

### Karnival KMR mulai 19 Januari

Bersempena sambutan Perayaan Jubli Intan Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun ini, Kolej Kediaman Mohamad Rashid (KMR) akan menganjurkan Karnival KMR selama empat hari, bermula 19 Januari ini.

(Berita Harian, 4 Januari 2006)

### UPM temui cara kesan ejen selsema burung

Cepat dan kurang risiko gagal memperoleh keputusan tepat ketika ujian adalah antara kelebihan kit mengesan ejen penyakit selesama burung atau Avian Influenza (AI) yang dihasilkan penyelidik Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia.

(Berita Harian, 4 Januari 2006)

### Kejohanan Cyclethon IPTA 2006

Sejumlah basikal bernilai RM53,500 akan menjadi milik pemenang Kejohanan Cyclethon IPTA 2006 yang diadakan di sekitar kampus Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 22 Januari depan. Kejohanan julung kali anjuran Akademi Sukan UPM itu diadakan dengan kerjasama Proton Edar Sdn. Bhd.

(KOSMO, 5 Januari 2006)

### 30 pelajar UPM tamat Sijil CYPA

Kejayaan boleh menjadi milik semua insan jika ada usaha dan kesungguhan untuk mencapainya. Majlis penyampaian sijil untuk program yang ditawarkan oleh Unit Pengajian dan Pembangunan Belia, Jabatan Pendidikan Pengembangan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu telah diadakan di Putrajaya baru-baru ini.

(KOSMO, 5 Januari 2006)

### UPM tawar program ijazah sarjana jarak jauh

Pusat Pendidikan Luar (PPL), Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang kini menawarkan program-program pengajian secara jarak jauh peringkat ijazah Sarjana dan Sarjana Muda. Sistem pendidikan secara jarak jauh (PJJ) ini dilihat mampu meningkatkan tahap pendidikan terutamanya bagi mereka yang bekerja dan telah mempunyai keluarga.

(Utusan Malaysia, 7 Januari 2006)

# Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu Ke-2

## “Keperkasaan dan Kelestarian Akar Budaya Melayu”

Oleh: SHARIL NIZAM SHA’RI

Foto: Ahmad Fua’ad Alwi

**SERDANG (24-25 Jan)** - Sebanyak 62 kertas kerja dibentangkan oleh para pembentang tempatan dan luar negara dalam Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu ke-2.


Persidangan bertemakan “Keperkasaan dan Kelestarian Akar Budaya Melayu” anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia di Dewan Persidangan Pusat Pendidikan Luar, UPM.

Antara para pembentang, Dato Dr. Siddiq Fadzil (Pengarah Darul Hikmah Bangi), Prof. Dr. Latif Abu Bakar (Universiti Malaya), Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Hassan (Universiti Perguruan Sultan Idris), Prof. Dr. Shaik Md. Noor Alam S.M. (UPM), Dato' Dr. Hassan Ahmad (Yayasan Karyawan), Prof. Emeritus Datuk Nik Safiah Karim, Prof. Dr. Siti Zainon Ismail, Datuk Iskandar Sarudin (wakil Filipina), Us. Wan Muhammad Shaghir Abdullah, Dr. Hasan Alwi (Dewan Bahasa dan Pustaka), Dr Tatyana Denisova (Zaporozhye State University, Ukraine), Prof. Madya Dr. Po Dharma (wakil Indo-China), Dr. Paitoon Masmintra Chaiyanara (wakil Thailand), Prof. Dato' Dr. Hj. Mohd. Hasan Cana (Mindanao State University) dan Prof. Dr. Shaharuddin Maaruf (wakil Singapura).

Ketua Jabatan Bahasa Melayu, FBMK UPM, Mhd. Amin Arshad berkata, penggunaan Bahasa Melayu harus perluas

sehingga mampu menatari budaya global. Penutur bahasa Melayu ketika ini adalah hampir 300 juta orang. Justeru, kita harus menyemaikan semangat kebanggaan terhadap penggunaan bahasa itu supaya


Mekanisme ke arah mencapai matlamat ini harus difikirkan bersama untuk pemaju masyarakat mengikut acuan kita sendiri. Termasuklah, keyakinan penggunaannya terhadap nilai ekonomi budaya Melayu itu



Majlis berlangsung dengan lancar.

citranya sentiasa setanding dengan bahasa antarabangsa yang lain. Di samping itu, kita harus merencanakan strategi agar keperkasaan bahasa Melayu ampuh melaksanakan fungsinya sebagai wahana pengalihbahasaan dan penyebarluasan ilmu sains dan teknologi, khususnya ilmu yang kita terokai sendiri.

“Para ilmuwan harus terpanggil untuk memantapkan kecintaan mereka terhadap bahasa Melayu agar akar budaya Melayu dapat menunjang aplikasi ilmu.



Buku persidangan yang penuh catatan berharga.

sendiri. Usahawan kita perlu diajak untuk memantapkan daya saing industri budaya Melayu dalam pelbagai bidang.”

“Bagi menjana bahasa dan budaya Melayu yang moden dan sejagat, kajian-kajian yang empirikal atau melalui perbincangan para cendekiawan secara telus dan telus. Oleh itu, amat wajar dan tepat pada masanya persidangan ini dilangsungkan demi mencapai objektif yang direncanakan,” katanya lagi.

Seterusnya, menampilkan visi ke arah memperkasakan penggunaan bahasa dan budaya Melayu agar seiring dengan bahasa antarabangsa yang lain. Persidangan akan dirasmikan oleh Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim.

Persidangan tersebut dirasmikan Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim dengan objektif menyediakan wadah untuk penampilan akar budaya Melayu dalam pelbagai bidang dan profesion, mengenal pasti cabaran pengantarabangsaan bahasa dan budaya Melayu dalam mengharungi era globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, dan memulihara, melestarikan dan mempertahankan ciri bahasa dan budaya Melayu sebagai bahasa dan budaya yang berupaya membawa pmodernen pada masyarakat.

Seterusnya, menampilkan visi ke arah memperkasakan penggunaan bahasa dan budaya Melayu agar seiring dengan bahasa antarabangsa yang lain.

# Peserta Kursus 2/2006 berdialog dengan Menteri Pengajian Tinggi

Oleh: JULIE, PEJABAT PENDAFTAR

**PUTRAJAYA:** Seramai 35 orang peserta Kursus Induksi 2/2006 (Kumpulan Pengurusan & Profesional) berpeluang melawat dan hadir di Dewan Parlimen sewaktu hari kedua persidangan Parlimen berlangsung baru-baru ini.

Peluang keemasan tersebut menjadi kenangan lebih manis kepada peserta apabila turut berkesempatan bertemu, duduk semeja dan berdialog dengan Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Mustapha Mohamed dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, YB Datuk Adham Baba.

Para peserta diberi peluang untuk mengajukan beberapa persoalan mengenai isu semasa kepada Menteri dan Setiausaha terutama tentang kenaikan harga minyak baru-baru ini. Para peserta bukan sahaja diberikan penerangan panjang lebar tentang kenaikan harga bahan bakar tersebut, malah turut dibekalkan brosur lengkap mengenainya.

Selain daripada itu, para peserta juga diberikan penerangan yang jelas tentang matlamat Kementerian pada masa ini yang berhasrat untuk membuka pintu bagi memudahkan komunikasi dua hala berlaku bagi memudahkan penyaluran maklumat terkini.

Datuk Mustapha menyentuh isu permohonan kemasukan pelajar ke universiti secara 'on-line', yang menyukarkan permohonan pelajar luar bandar kerana jurang digital masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Oleh itu alternatif lain sedang diusahakan.

Isu penghantaran pelajar ijazah pertama ke luar negara juga telah menjadi topik perbincangan di mana kerajaan pada masa ini terpaksa mengurangkannya kerana tidak



Perjumpaan bermakna bersama Menteri Pengajian Tinggi dan Setiausaha Parlemen.

mampu menanggung kos pengajian yang semakin tinggi terutama di negara-negara Barat seperti Amerika, Britain, German, Kanada dan Scotland. Penghantaran masih dilakukan tetapi hanya terhad sekitar 2,500 orang sahaja serta tertumpu di dalam bidang-bidang yang kritis dan perlu sahaja

Perkongsian hospital dengan universiti juga memberi bebanan kepada doktor yang bertindak sebagai pensyarah kerana masih terikat dengan tugas merawat pesakit sehingga menjelaskan tumpuan mereka untuk memberi konsentrasi kepada bidang pengajaran bagi melahirkan graduan di dalam bidang perubatan.

AUKU juga turut diberikan penerangan dan menurut Datuk Mustapha, universiti masih ada kuasa autonomi tetapi tidak sepenuhnya kerana dasarnya masih dipantau oleh Kementerian memandangkan peruntukan IPTA masih menjadi tanggungan kerajaan.

Harapan tinggi Kementerian agar semua

pegawai universiti terutama pegawai yang baru dilantik agar menjadikan kualiti sebagai teras di dalam segala aspek bagi menjamin prestasi perkhidmatan dan produktiviti mampu menarik universiti tempatan menjadi 'hub-education'. Pegawai disarankan agar terus meningkatkan penguasaan ilmu supaya lebih 'knowledgeable' pentadbir dan mampu berinteraksi dengan dunia luar.

Pada masa ini sebanyak 41,000 orang pelajar asing sedang melanjutkan pengajian di Malaysia dan usaha sedang giat dijalankan bagi menarik lebih ramai lagi kemasukan mereka terutama di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Atas dasar itulah semua universiti disarankan agar meningkatkan taraf pendidikan (Ph.D.) kemasukan tenaga pengajar atau pensyarah supaya kualiti pengajaran tidak diragui oleh pihak luar.

Kenangan indah peserta juga diakhiri dengan makan tengah hari istimewa dengan Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, YB Dato' Adham Baba di Parlimen.

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI


Foto: Arafat Mahsuri Awang

Jasamu tetap terpahat di ingatan dan budimu tetap dikenang.... Majlis Perpisahan Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardiae bersama staf bahagian Canseleri diadakan baru-baru ini. Turut hadir pada majlis ini ialah Pegawai Kanan, UPM dan staf-staf Kelab Canseleri

Dalam ucapan beliau pada majlis tersebut, beliau mengatakan agar semua staf UPM akan terus tekun dalam menjalani tugas-tugas yang diamanahkan. Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada warga UPM dan semua pihak yang terlibat selama 34 tahun beliau berkhidmat sebagai Naib Canselor dengan penuh amanah dan dedikasi untuk UPM.

Beliau turut mendoakan agar UPM akan terus berkembang maju dan berjaya menempatkan kedudukannya sebagai sebuah universiti yang terkemuka di peringkat antarabangsa dan memberi sumbangan dari sudut kesarjanaan, pembangunan ekonomi dan kemajuan manusia.

## Jasamu tetap dikenang



Detik terakhir Dato' Zohadie Bardiae bertugas sebagai Naib Canselor UPM.

## Berita Ringkas

### 20 terbaik Asia sasaran UPM

Universiti Putra Malaysia (UPM) komited dalam usaha memantapkan pengurusan berkualiti dalam setiap aspek termasuk proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta perkhidmatan bagi memastikan universiti itu sentiasa berada di hadapan dalam merencanakan agenda pertanian negara.

(Berita Harian, 7 Januari 2006)

### World-ranking wish for UPM

New Universiti Putra Malaysia Vice - Chancellor, Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah wants world ranking for the institution. His dreams is for UPM to be among the top 80 universities in the world and top 20 in Asia.

(NST, 7 January 2006)

### UPM tidak wajar dikaitkan kegagalan sektor pertanian

Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak wajar dikaitkan dengan kegagalan pembangunan sektor pertanian seperti yang dide dahukan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini.

(Utusan Malaysia, 7 Januari 2006)

### UPM dirikan menara jam ulang tahun ke-75

Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mendirikan sebuah menara jam sempena menyambut ulang tahunnya yang ke-75 pada 23 Mei ini. Menara jam yang dinamakan Warisan Budi Putra itu akan dibina setinggi 49 meter sebagai memperingati tahun pembukaan UPM yang dikenali sebagai Sekolah Pertanian pada waktu itu.

(Utusan Malaysia, 7 Januari 2006)

### JARAE UPM semai sikap bersatu

Jalinan Rakan Ekologi (JARAE) 2005 adalah program tahunan perkhemahan bertujuan malahir dan menyemai sikap bersatu, kasih, proaktif dan tanggugjawab di kalangan mahasiswa Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

(Utusan Malaysia, 10 Januari 2006)

# Program Pengajian Siswazah UPM terbuka untuk semua

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

*"UPM mempunyai sumber yang besar dari sudut bilangan graduan yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan. Dalam Majlis Konvokesyen 2005, seramai 1, 455 telah menerima ijazah Master dan 7, 167 pula menerima ijazah Bacelor. Sumber ini boleh dimanfaatkan dengan lebih optimum bagi meningkatkan bilangan pelajar siswazah. Justeru, Hari Promosi ini amat signifikan dan dapat menarik lebih ramai pemohon khususnya dari kalangan pelajar tahun akhir Master dan Bacelor untuk melanjutkan pengajian,"*

Prof. Radin Umar.

**SERDANG (30 Mac-1 April)** - Sebagai mendukung konsep pembelajaran sepanjang hayat dan menyediakan peluang seluas-luasnya kepada golongan pekerja atau yang berminat untuk melanjutkan pengajian di peringkat Master secara tanpa tesis atau kerja kursus kepada semua yang berminat menjadikan signifikan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Hari Promosi Pengajian Siswazah UPM 2006 (UPM Post Graduate Education Fair 2006) buat julung kalinya di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Hari promosi selama tiga hari tersebut berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan dengan berpeluang mendapat informasi yang jelas mengenai program master di 25 both pameran termasuk fakulti dan institut yang disediakan oleh pengajian pada kali ini bagi membantu usaha UPM yang menetapkan sasaran untuk mencapai bilangan enrolmen pelajar siswazah seramai 10, 000 menjelang tahun 2010. Pada masa ini UPM mempunyai hampir 5,

000 termasuk lebih daripada 900 pelajar antarabangsa.

Prof. Dr. Ir. Radin Umar bin Radin Sohadi, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) berkata, Pada masa ini UPM menawarkan lebih daripada 250 bidang pengajian di peringkat Ijazah Master dan PhD dalam bentuk penyelidikan atau dengan tesis dan lebih daripada 52 bidang pengajian di peringkat ijazah Master dalam bentuk kerja kursus atau tanpa tesis.

Program tersebut bertujuan untuk mendedahkan prospek pengajian siswazah dan menarik minat lebih ramai pemohon untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Master dan Doktor Falsafah (PhD) di UPM.

Sepanjang program tersebut, pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat lanjut mengenai prospek dan peluang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan di UPM. mendengar sesi taklimat dan penerangan mengenai pengajian siswazah khususnya tentang program, kemudahan, kepakaran dan kelebihan setiap program daripada wakil fakulti/institut/sekolah yang mengambil bahagian.

Seterusnya, membuat permohonan

masuk terus secara atas talian (on-line) menerusi kemudahan komputer yang disediakan oleh pihak pengajian.

Banyak kelebihan program master di UPM. Antaranya, kuliah dikendalikan sama ada selepas waktu pejabat atau pada hujung minggu. Ini bermakna mereka yang bekerja tidak semestinya mendapatkan kemudahan cuti belajar atau perlu meninggalkan kerja untuk melanjutkan pengajian. Menerusi peluang ini, lebih ramai golongan pekerja dapat meningkatkan lagi tahap kompetensi dan profesionalisme menerusi ilmu pengetahuan terkini.

*"UPM mempunyai sumber yang besar dari sudut bilangan graduan yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan. Dalam Majlis Konvokesyen 2005, seramai 1, 455 telah menerima ijazah Master dan 7, 167 pula menerima ijazah Bacelor. Sumber ini boleh dimanfaatkan dengan lebih optimum bagi meningkatkan bilangan pelajar siswazah. Justeru, Hari Promosi ini amat signifikan dan dapat menarik lebih ramai pemohon khususnya dari kalangan pelajar tahun akhir Master dan Bacelor untuk melanjutkan pengajian,"* kata Prof. Radin Umar.

# Kem Menerokai Dunia Fizik berjaya di SMKT

*"program ini sebenarnya memberi peluang kepada pelajar sekolah untuk mendekati ilmu Fizik dengan lebih mendalam serta membuka minda mereka untuk berfikir secara holistic tentang kewujudan Fizik dan sumbangannya".*

Prof. Madya Dr. Zaidan Abd Wahab

Oleh: SITI SARAH

kepada pelajar sekolah untuk mendekati ilmu Fizik dengan lebih mendalam serta membuka minda mereka untuk berfikir secara holistic tentang kewujudan Fizik dan sumbangannya.

Selain itu, program ini telah mengubah sikap dan persepsi pelajar tentang kesukaran untuk menguasai subjek Fizik kepada pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan merangsang minda mereka.

Berdasarkan kaji selidik, sebanyak 87% program ini berjaya mencapai objektif dan rata-rata pelajar berharap sangat agar tempoh aktiviti seperti ini dipanjangkan dan memperbanyakkan aktiviti lagi.

Menurut ulasan daripada pengetua sekolah SMKT, beliau berharap agar prestasi akademik pelajar sekolah ini meningkat terutama dalam subjek Fizik yang kebanyakannya pelajar sekolah ini lemah dalam subjek Fizik. Ini merupakan satu tanggungjawab besar kepada barisan pelaksana program yang menjadi pemangkin kepada pelajar aliran Sains sekolah ini. Diharap, program ini akan menjadi sebahagian daripada aktiviti tahunan Kelab Fizik dan mendapat sokongan penuh daripada semua pihak.

Terdapat pelbagai aktiviti dijalankan menarik minat pelajar terhadap ilmu Fizik di antaranya adalah Kuiz Menguji Minda, Universe Explorace, Pembinaan dan

eksperimen Projektil, Ceramah Astronomi, Star Gazing dan Andromeda Treasure Hunt.

Aktiviti cerapan bintang paling berjaya pada tahun ini kerana kami dapat melihat planet Zuhul serta gelangnya dengan jelas. Turut menyampaikan ceramah Mohd Firrdaus Romeli, bekas mahasiswa UPM yang menerima Pingat Emas Canselor dan Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen UPM ke-29 lalu. Ceramah yang disampaikan berkisarkan kerjaya dalam bidang Fizik dan nilai-nilai murni yang perlu ada untuk menjadi pelajar cemerlang. Beliau turut berkongsi pengalaman beliau yang kini bergelar seorang jurutera di PETRONAS.

**TAMPIN** - Seramai 117 pelajar Tingkatan 4 dan 5 aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Tampin, Negeri Sembilan (SMKT) mengikuti program Kem Menerokai Dunia Fizik yang julung kali dianjurkan Kelab Fizik, Universiti Putra Malaysia. Pemilihan SMKT sebagai tapak permulaan program seperti ini adalah berdasarkan kedudukannya yang berada di kawasan luar bandar berhampiran dengan pekan Tampin.

Ketua Jabatan Fizik UPM, Prof. Madya Dr. Zaidan Abd Wahab berkata, program ini sebenarnya memberi peluang

# Fakulti Kejuruteraan UPM johan Engineering Games 2005

*Anjuran Persatuan Kejuruteraan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ENGINIUS) dengan kerjasama Institusi Jurutera Malaysia (IEM)*

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

**GOMBAK (16-18 DIS)** - Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul sebagai johan Engineering Games 2005 menundukkan kesemua pelajar kejuruteraan institut pengajian tinggi yang lain dan menewaskan jurutera-jurutera dan para pekerja daripada syarikat swasta dan kerajaan.

Pasukan lelaki futsal UPM terdiri daripada Ibnu Ikhram Othman, Muhammad Faizal Md Nor, Muhamad Farhan Muhamad Nashir, Dzulkarnain

Muhammed Zakaria, Mohd Mohsein Ibrahim, Hasnul Anbia Abdullah Sani dan Davendra a/l Mahendra berjaya mencipta hatrik dengan mengalahkan pasukan Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Multimedia untuk muncul sebagai johan. Pasukan wanita UPM juga beraksi cemerlang dengan menjadi johan dalam Bola Jaring.

Program anjuran Persatuan Kejuruteraan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ENGINIUS) dengan kerjasama Institusi Jurutera Malaysia (IEM) bertujuan untuk mengeratkan ukhuwah dan silaturahim di

antara pelajar-pelajar kejuruteraan di setiap universiti di semenanjung Malaysia dan juga menjalin hubungan baik antara pelajar dan juga jurutera-jurutera yang berpengalaman.

Seterusnya, memperbaiki dan mempertingkatkan kemahiran komunikasi pelajar memandangkan program ini tidak terhad kepada pelajar sahaja tetapi turut disertai oleh jurutera-jurutera yang berjaya serta memupuk sikap saling bertukar pendapat antara para pelajar dan jurutera di samping menanam semangat kesukaran dan kerjasama dalam pasukan.

## Berita Ringkas

**UPM's Vision 2010 to be among top 20 in Asia**

Universiti Putra Malaysia's new vice chancellor Professor Nik Mustapha Raja Abdullah tells Arni Abdul Razak that the university wants to be among the top 20 universities in Asia by 2010. The vice-chancellor's room on the fourth floor of Universiti Putra Malaysia's (UPM) administration building at the Serdang campus was in disarray.

(NST, 15 Jan 2006)

**Anniversary celebrations launched**

Universiti Putra Malaysia (UPM) hopes to generate 20% of its own income by the year 2010. It's new vice-chancellor Prof Nik Mustapha R. Abdullah said the university, which is subsidised by the government, wants to start generating some of its own income.

(The Star, 15 Jan 2006)

**UPM sentiasa usaha tingkat kualiti penuntut**

Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa berusaha meningkatkan kualiti penuntutnya demi memastikan mereka berdaya saing dan kompetitif di peringkat global. Naib Canselornya, Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, hasrat itu mampu dicapai melalui usaha dan kegiatan pembelajaran berterusan.

(Utusan Malaysia, 17 Jan 2006)

**Merawat najis ayam untuk baja**

Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menggunakan khidmat kepakaran teknologi dari Jerman dalam projek loji perintis merawat najis (tinja) ayam untuk dijadikan bahan-bahan yang tidak mencemarkan alam sekitar.

(Utusan Malaysia, 20 Januari 2006)

## 200 tutor PJJ ikuti teknik pengajaran berkesan

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

**SERDANG (16-19 Dis)** - Seramai 200 tutor yang dilantik Pusat Pendidikan Luar (PPL) dari seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak berjaya mengikuti Bengkel Pembangunan Tutor Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Bengkel diadakan di Dewan Persidangan PPL dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan sesi tutorial bagi pelajar-pelajar PJJ, kualiti dan kefahaman tutor PJJ serta komunikasi dua

hala antara tutor, pensyarah dan pihak PPL sendiri.

Pengarah Pusat Pendidikan Luar UPM, Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee berkata, bengkel ini dapat memastikan usaha PPL melahirkan graduan yang berkualiti sejajar dengan saranan universiti menjadi universiti bertaraf dunia dicapai.

Dengan jelasnya, bengkel ini berupaya memberikan panduan dan motivasi kepada tutor dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar pendidikan jarak jauh yang penuh cabaran.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal

Pelajar) Prof. Madya Dr. Azali Mohamed, merasmikan bengkel tersebut seterusnya berjalan lancar dengan gabungan kepakaran para penceramah seperti Prof. Madya. Dr. Azahari Ismail, Prof. Madya. Dr. Salihin Siais, Dr. Salihin Siais dan Prof. Dr. Turiman Suandi.

Setiap peserta yang hadir mendapat input yang sangat berharga iaitu mengetahui 'Konsep dan Falsafah Pembelajaran Jarak Jauh', 'Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Program Jarak Jauh', 'Pembelajaran Berpusatkan Pelajar' dan 'Bagaimana Memotivasi pelajar'.

**UPM, Carisbrook popularkan sukan ragbi Touch Footie**

Walaupun ragbi Touch Footie tidak begitu popular selain belum mendapat tempat di kalangan peminat sukan tanah air, inisiatif pihak Kolej 12, Universiti Putra Malaysia

(UPM) dengan kerjasama Carisbrook bagi menganjurkan acara itu esok wajar dipuji

(Harian Metro, 21 Jan 2006)

# UPM jadi tumpuan duta dan pesuruhjaya asing

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Sabri Omar

**SERDANG (9 Feb)** - Sempena sambutan Jubli Intan Universiti Putra Malaysia (UPM), seramai 51 duta-duta dan pesuruhjaya tinggi asing bersama-sama isteri masing-masing serta pelajar antarabangsa dan pegawai dagang di negara ini berpeluang mengunjungi UPM dan mengetahui keistimewaan kampus hijau ini.

Program Promosi Bersama Duta-Duta dan Pesuruhjaya Tinggi Asing ke UPM merupakan satu program promosi secara in-house, dalam usaha mempromosi dan menarik pelajar antarabangsa bagi program siswazah, menggalakkan program pertukaran pelajar atau staf dan menjalin kerjasama penyelidikan.

Rombongan duta dan Pesuruhjaya Tinggi Asing didedahkan dengan informasi penting mengenai UPM iaitu seperti program pra-siswazah dan siswazah (undergraduate and postgraduate), aktiviti penyelidikan dan pembangunan universiti.

Para duta dan pesuruhjaya tinggi berpeluang menaiki bas UPM untuk mengelilingi kampus UPM bagi membolehkan mereka untuk melihat kemudahan UPM secara dekat dan menikmati keindahan dan kehijauan UPM yang kaya dengan landskap alam semula jadi.

Ketua Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Nor Adida Abd. Khalid berkata, ini merupakan satu program khas untuk mempromosi UPM dengan menjemput duta-duta dan pesuruhjaya tinggi asing ke kampus UPM dan memperkenalkan secara lebih dekat mengenai program pengajian yang dijalankan di UPM, kecemerlangan penyelidikan dan pelbagai kemudahan seperti makmal, perumahan, pengangkutan dan rekreasi.

Secara jelasnya program ini bertujuan untuk menarik lebih ramai pelajar asing yang berkualiti dan berpenaja untuk



Tertarik... sebahagian Duta melihat secara dekat alat muzik tradisional Melayu.

mengikuti pengajian peringkat siswazah dalam pelbagai bidang di UPM. Seterusnya, mendapatkan peluang kerjasama dua hala dalam menjayakan program pertukaran pelajar dengan universiti-universiti antarabangsa terutamanya dari negara-negara maju.

Program ini juga menjadi 'platform' untuk mendapatkan maklumat daripada kedutaan mengenai peluang-peluang mengenai pelajar antarabangsa yang berpenaja dan maklumat lain yang berkaitan (satu set borang soal-selidik akan turut disedarkan kepada kedutaan dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi dalam usaha mendapatkan maklumat yang relevan dalam menentukan formula strategi promosi UPM yang berkesan pada masa depan.

Seterusnya, memamerkan rekod-rekod kejayaan dan pencapaian UPM mengenai aktiviti akademik dan penyelidik selain menghidangkan para tetamu dengan produk-produk istimewa UPM seperti masakan daging rusa yang diternak sendiri oleh UPM, pelbagai jenis pastri dan kek serta jus minuman dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, dan persembahan kebudayaan daripada staf dan pelajar UPM. Serdang (9 Feb) - Sempena sambutan Jubli Intan Universiti Putra Malaysia (UPM), seramai 51 duta-duta dan



Para isteri Duta turut diraikan UPM.

pesuruhjaya tinggi asing bersama-sama isteri masing-masing serta pelajar antarabangsa dan pegawai dagang di negara ini berpeluang mengunjungi UPM dan mengetahui keistimewaan kampus hijau ini.

## Bangunan Pentadbiran UPM dilengkapi CCTV

**AWAS!** Sekiranya anda berkelakuan meragukan dan ingin menceroboh keselamatan staf dan harta benda UPM, anda akan ditangkap dan didakwa ke muka pengadilan. Ini bukan cakap kosong atau untuk menakut-nakutkan. Ini kerana,

bangunan pentadbiran UPM kini dilengkapi Kamera Litar Tertutup (CCTV).

Projek Keselamatan UPM ini terbukti setelah Majlis Penyerahan Sistem Keselamatan Kemera Litar Tertutup

(CCTV) Untuk Kompleks Pentadbiran, Universiti Putra Malaysia daripada Patroon Technologies Sdn. Bhd kepada Naib Canselor UPM dan seterusnya daripada Naib Canselor UPM kepada Ketua Bahagian Keselamatan diadakan

baru-baru ini.

Latar belakang projek tersebut dibangunkan bagi membantu Bahagian Keselamatan mengawal harta benda dan warga kampus dengan lebih efektif.

# Akhbar mahasiswa

Idealistik Realistik

• Keluaran Februari, Mac & April 2006 • email: tribunputra\_bkk@yahoo.com

Majlis Anugerah Seni  
UPM 2006 (MASENI 2006)

muka 10

Merah simbolik kejayaan  
Kolej Dua Belas

muka 14



PERTANDINGAN KEPIMPINAN HARMONI PENITI UPM 2006  
Y.B Dato' Dr Zainal Abidin  
Khairul Afsan pertahankan juara PENITI UPM 2006

muka 11



Pesta Ang Pau 2006, Hari Asyura pupuk integrasi mahasiswa

muka 16



## Lim Fheng Fheng membesar dengan ‘menulis’

Oleh: SHARIL NIZAM SHA’RI  
Foto: Ahmad Fua’ad Alwi

Bukan semua orang minat menulis rutin hidupnya setiap hari di dalam diari. Segala yang dihadapi, dipendam, dilihat sentiasa ditulis dengan penuh teliti dan tersemat penuh abadi. Hanya bertemankan mata pena dan kertas menjadi saksi cetusan jiwa tercoret untuk dijadikan panduan hidup pada akan masa datang. Mungkin bagi sesetengah orang perkara tersebut tidak penting dan hanya membuang masa.

Bagi personaliti pilihan kali ini, menulis bermakna meluahkan perasaan pada dirinya. Dengan menulis bakat penulisannya semakin terserlah. Menulis juga menjadi ‘sumber kejayaan’ kepada dirinya dan keluarganya. Malah, dengan menulis juga beliau berupaya memartabatkan bahasa Melayu di persada antarabangsa.

Lebih membanggakan, dengan kebolehan menulis beliau dapat mewarisi bakat daripada kedua ibu bapanya. Benarlah kata pepatah, ke mana tumpah hujan di bumbung kalau tidak ke cucuran atap.

Personaliti yang dimaksudkan, Lim Fheng Fheng, penuntut pengajian Bachelor Komunikasi (Kewartawanan) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Perwatakan dan tutur bicaranya sama seperti orang biasa dan penuh kesederhanaan. Sehingga ramai yang tidak mengetahui beliau adalah ‘cahaya mata’ kepada pasangan Lim Swee Tin, dan Lee Sai Fa, lebih dikenali dengan nama Selina SF Lee.

“Ketika kecil, saya lebih suka menulis diari daripada meluahkan kepada orang lain tentang masalah saya, jadi mungkin juga daripada situ terlatih untuk menulis. Lagi pun, pengaruh daripada ibu bapa saya. Jiwa saya suka lebih kepada seni dan sastera,” katanya yang berasal dari Kelantan.

Rupa-rupanya, bakat yang dimilikinya sudah menjadi sebutan dan tontonan orang ramai di tanah air ini. Beliau diberikan peluang dua kali untuk muncul secara langsung dalam program televisyen iaitu dalam Malam Deklamasi Angkasapuri 2005 dan kali pertama muncul dalam rancangan menghargai penulis-penulis dan karya tanah air ini pada 2004.

Gadis Tionghoa yang fasih berbahasa Melayu berkata, saya masih berasa bertuah dan menghargai peluang ini kerana bukan mudah seorang yang berbangsa cina diberi peluang besar untuk mendeklamasikan puisi di hadapan khalayak ramai dan tetamu jemputan pula merupakan Menteri Penerangan Malaysia, YB Datuk Seri Panglima Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

“Ibu bapa saya merupakan penonton utama saya dan pengkritik tetap saya. Terus-terang saya katakan, apa yang orang lain katakan ataupun komen, saya tidak ambil kisah, yang penting apa yang ibu bapa saya katakan. Mereka lebih tahu macam mana saya mendeklamasikan sajak, macam mana saya harus deklamasikan sajak itu sendiri. Mereka merupakan mentor saya,” jelasnya dengan penuh keyakinan.

*“Tersilap sekali bukan bererti silap selama-lamanya, lemah sekali bukan bererti selama-lamanya, tapi putus asa bererti selama-lamanya tidak berjaya. Belajar la bersungguh-sungguh dan berusaha mencapai cita-cita dan impian kita,” Lim Fheng Fheng*



# Majlis Anugerah Seni UPM 2006 (MASENI 2006)

*"Majlis ini dapat mengenalpasti calon-calon yang sesuai untuk dicalonkan ke Majlis Anugerah Seni MAKUM 2006 yang akan diadakan nanti, sebagai platform untuk memberikan tanda penghargaan kepada mereka yang konsisten dalam kegiatan kebudayaan dan kesenian, menggalakkan dan meningkatkan semangat dan daya saing untuk lebih aktif memajukan kebudayaan dan kesenian di UPM,"*

*Prof. Madya Dr Azali Mohamed*

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI  
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

SERDANG (31 Mac) - Sebanyak 10 anugerah menjadi rebutan di kalangan mahasiswa-mahasiswi Universiti Putra Malaysia (UPM) yang aktif dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan sepanjang tahun 2006.

Didahului, Mohammad Abdullah dan Nordiana Liki diumumkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Budaya Siswa (Anugerah Adiwijaya Wangsa) dan siswi (Anugerah Sriwijaya Wangsa).

Diikuti, seramai 10 penerima Anugerah Tokoh Budaya Harapan (Anugerah Emas MASENI 2006), Md.

Aszulhilmy Ahmad Nahrawi, Adidi Tamin, Faridzz Muhamat Roli, Mohd Zulhafiz Zulkeply, Edmund Ross Williams Hunt, Noraziah Zazali, Intan Noorul Faizah Anuar, Mageswary Salvarajoo, suzaiza Othman dan Lim Fheng Pheng.

Anugerah Kelab Kebudayaan Terbaik (Anugerah Panji Ulung) dimenangi oleh Kelab Penggiat Teater Sejagat (PENTAS) dan Anugerah Kelab Kebudayaan Harapan (Anugerah Panji Harapan) oleh Kelab Pantun dan Puisi (Cenderawasih).

Seterusnya, Anugerah Kelab Kebudayaan Harapan - Penganjuran Aktiviti (Anugerah Panji Bakti),

Anugerah Sekretariat Kebudayaan Kolej Kediaman Terbaik Keseluruhan



Nordiana, Dr. Azali Mohamed, Mohammad dan Husalshah Rizal bergambar bersama.

(Anugerah Sanggar Ulung) dimenangi Sekretariat Kebudayaan MTM Kolej Kelima.

Kolej Kedua Belas pula diumumkan penerima Anugerah Johan Keseluruhan Pertandingan Berbentuk Kebudayaan Peringkat Antara Kolej - Sekretariat Kebudayaan Kolej Kediaman (Anugerah Sanggar Genta).

Sekretariat Kebudayaan Kolej Ketiga Belas penerima Anugerah Penganjuran aktiviti berbentuk kebudayaan terbaik - Sekretariat Kebudayaan kolej Kediaman (Anugerah Sanggar Harmoni oleh Sekretariat), Penghargaan kepada jurulatih kelab dan persatuan (Anugerah jasa Malinja) dan Penghargaan kepada bekas Presiden Kelab/Persatuan bagi sesi 2005/2006 (Anugerah Delima Budi) juga diberikan kepada pemenangnya.

Majlis anjuran Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa (BHEM), (UPM) di Panggung Percubaan ini

memberikan penghargaan kepada mahasiswa-mahasiswi yang komited dan sentiasa konsisten melibatkan diri dalam semua kegiatan yang berbentuk kebudayaan dan kesenian di kampus UPM. Seterusnya, sebagai satu usaha untuk mengangkat dan memartabatkan kegiatan kebudayaan dan kesenian di UPM.

"Majlis ini dapat mengenalpasti calon yang sesuai untuk dicalonkan ke Majlis Anugerah Seni MAKUM 2006 yang akan diadakan nanti, sebagai platform untuk memberikan tanda penghargaan kepada mereka yang konsisten dalam kegiatan kebudayaan dan kesenian, menggalakkan dan meningkatkan semangat dan daya saing untuk lebih aktif memajukan kebudayaan dan kesenian di UPM," Prof. Madya Dr Azali Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM selepas menyampaikan anugerah kepada para pemenang.



• sambungan muka 9

Ketika ditanya mengenai kewibawaan bapanya, dengan ringkasnya beliau menjawab, saya gembira dan terharu akhirnya bakat dan kejayaan ayah saya

dihargai.

Menurutnya lagi, bukan mudah untuk ayahnya berjaya seperti pada hari ini. Ketika saya kecil, ayah sering bersengkang mata menghasilkan karya, jarang sekali sempat meluangkan masa dengan kami.

"Cukuplah saya katakan, ayah saya menulis bukan kerana nama, tapi kerana minat dan cintanya kepada bidang sastera. Setelah 30 tahun berkarya, baru ayah saya diberi anugerah dan dihargai bakatnya," katanya sebagai anak kedua daripada tiga adik-beradik.

Untuk pengetahuan bersama, beliau secara peribadinya menyatakan bukan mudah menjadi anak kepada sasterawan negara. Segala tindakan dan tutur kata perlu dijaga supaya tidak menimbulkan sebarang masalah. Khuatir, takut memberikan imej buruk terhadap mana-mana individu.

Beliau yang dilahirkan pada 28 September 1984, dibesarkan dalam lingkungan masyarakat Melayu dan berkawan dengan pelbagai bangsa berjaya menjadikannya mudah didekati, peramah, happy go lucky, dan memberikan kelebihan

untuk bertutur dalam empat bahasa iaitu Melayu, Cina, Inggeris dan Thai.

Bukan namanya sahaja yang istimewa. Iaitu, Fheng Pheng membawa maksud 'daun maple' dalam perkataan Cina. Diikuti, mendiang neneknya adalah orang Siam dan mendiang datuknya pula berasal dari negara China.

Di waktu senggangnya, beliau menjadikan muzik sebagai sumber ketenangan diri. Termasuklah menonton wayang dan mendengar lagu. Sehingga ke hari ini, koleksi lagu dalam simpanannya lebih daripada 100 album termasuklah penyanyi Melayu, Cina dan Barat. Di samping, gemar membaca novel, buku-buku berkaitan psikologi dan motivasi.

Di dalam kesibukan sebagai pelajar, aktiviti bersukan tetap diberikan keutamaan. Beliau bergerak aktif dalam persatuan takwondo di UPM selama lima semester dengan berjaya memiliki tali pinggang putih, biru dan sedang berusaha untuk mendapatkan tali pinggang hitam.

Dalam senyuman terlindung duka, dalam hati terpendam lara. Detik kematian

neneh kesayangannya benar-benar memberikan kesan kepadanya dan mengajarnya lebih tabah untuk berusaha menjadikan hidup kita lebih bererti.

Biar apa pun keadaan, beliau bersama abang dan adiknya sedang gigih menepati janji kepada keluarganya untuk berjaya memperoleh ijazah sarjana muda dan ke peringkat lebih tinggi sekiranya berpeluang.

Pesanannya kepada semua pembaca, hidup ini terlalu singkat. Hargai pengorbanan ibu bapa anda. Bukitikan, anda merantau jauh ke sini untuk menggenggam segulung ijazah. Memang pada usia remaja kita ini, tidak salah mencuba sesuatu yang baru, tapi jangan tersilap langkah dan menyebabkan anda menyesal seumur hidup.

"Tersilap sekali bukan bererti silap selama-lamanya, lemah sekali bukan bererti selama-lamanya, tapi putus asa bererti selama-lamanya tidak berjaya. Belajar la bersungguh-sungguh dan berusaha mencapai cita-cita dan impian kita," bicara akhirnya yang penuh bermakna.

# Khairul Afsan pertahankan juara PENITI UPM 2006

*“Kejayaan ini ditujukan kepada Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Zulkifli Tan Sri Mohd Ghazali yang selama ini memberikan sokongan kepada Kelab De’tikir UTM untuk menyertai aktiviti pertandingan debat atau pidato.”*

*Khairul Afsan*

Oleh: SHARIL NIZAM SHA’RI

Foto: Ahmad Fua’ad Alwi

SERDANG (24-25 Februari) – Khairul Afsan Abu Bakar berjaya mempertahankan juara Pertandingan Pidato Kepemimpinan Harmoni Intervarsiti V 2006 (PENITI V 2006) yang dimenangi pada tahun lepas.

Penuntut Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini berjaya menyampaikan pidato yang bertajuk Menjaga alam sekitar demi masa depan negara dengan penuh keyakinan, penghayatan, lantunan suara berkesan sehingga mampu memberikan kefahaman kepada penonton untuk memahami pidatonya.

“Sudah rezeki saya menang lagi pada tahun ini walaupun saingan semakin hebat. Kejayaan ini ditujukan kepada Naib

Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Zulkifli Tan Sri Mohd Ghazali yang selama ini memberikan sokongan kepada Kelab De’tikir UTM untuk menyertai aktiviti pertandingan debat atau pidato,” katanya lagi.

Kejayaan ini dikongsi naib johan, Mohd. Daud Mat Din, 22, penuntut jurusan undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang merupakan pemenang tempat yang sama pada tahun lepas. Dengan tajuk pidato ‘Hedonisme perosak bangsa’.

Menurut Mohd. Daud Mat Din, penyertaannya di saat-saat akhir untuk memberi laluan kepada peserta muda universitinya bertanding berjaya membawakan hasil. Walau pun, persiapan berpidato dibuat secara ala kadar.

Mahdir Bahar, peserta sains

pemutusan (matematik dan statistik) dari Universiti Utara Malaysia diumumkan pemenang ketiga.

“Sebenarnya, saya kurang sihat pada pertandingan akhir tersebut. Peserta yang bertanding ada yang sudah dikenali kerana sering bertanding bersama untuk peringkat IPTA. Lebih mengharukan, adanya sokongan moral daripada bekas pelajar UUM yang sudi datang untuk melihat saya bertanding,” katanya lagi selepas menyampaikan tajuk ‘Integrasi nasional tanggungjawab bersama’.

Johan membawa pulang piala pusingan, piala irungan, sijil penyertaan, hamper dan wang tunai RM 1,000.00. Naib Johan pula menerima piala irungan, sijil penyertaan, hamper dan wang tunai RM 700.00. Diikuti pemenang ketiga, piala irungan, sijil penyertaan, hamper dan wang tunai RM 500.00.

Hadiyah disampaikan Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin Zin dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr Azali Muhammed.

PENITI V 2006 anjuran Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kelima, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kementerian Pengajaran Tinggi Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa, UPM.

Pertandingan berlangsung di Dewan Harmoni Kolej Kelima, UPM ini disertai seramai 23 peserta dari 11 IPTA dan hanya sepuluh peserta sahaja yang layak bertanding di peringkat akhir dengan tema “Menuju Ke Arah Kepemimpinan Intelektual”.

Para peserta PENITI V 2006 yang lain terdiri daripada UPM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti



Mohd. Daud, Khairul Afsan dan Mahdir bersama piala masing-masing.

Teknologi MARA, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia, Universiti Tunku Abdul Rahman, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia dan kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.

Tinjauan di kalangan peserta di dapatkan penganjuran pertandingan kali ini sungguh berprestij, berkualiti, teratur, sistematis dan memberikan keselesaan kepada mereka untuk bertanding. Seterusnya, membuktikan pertandingan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh semua pemidato kampus setiap tahun.

Pengarah program, Sashitharan a/l Subramaniam berkata, setiap peserta akan diberikan tajuk pidato secara spontan berdasarkan tema, dua jam lebih awal daripada waktu bertanding. Malahan, para peserta akan dinilai dalam sesi soalan menguji kecerdasan minda dan pengetahuan semasa oleh pihak juri setelah tamat berpidato bagi memperlihatkan kehebatan bakat pidato para peserta.

PENITI V bertujuan untuk Melaksanakan matlamat universiti melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan, menjalankan perkongsian, perpaduan dan persefahaman yang erat antara IPTA selain menggalak, mengembangkan keterampilan mahasiswa yang berpersonaliti unggul dan menampilkan mahasiswa yang berbakat dari aspek kepemimpinan yang intelektual serta mendalamai peranan kepemimpinan dalam mempidaikan isu berkaitan dengan intelek dan kepemimpinan.



Dato' Zainal Abidin Zin menyampaikan replika cek kepada Khairul Afsan.



Farahtul Najjah menerima piala daripada Prof. Dr. Nik Mustapha.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI  
Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**SERDANG (25 Mac)** - Kolej Kelima terus membuktikan kegemilangan majlis tahunan tradisi untuk meraikan mahasiswa tahun akhir dengan penuh berprestij bertempat di dewan makannya sendiri seperti berlangsung di

hotel. Majlis Makan Malam dan Penganugerahan Kolej Kelima Sesi 2005/2006 yang dipenuhi para jemputan mendapat perhatian semua yang hadir kerana pihak kolej berjaya mengatur majlis dengan penuh kreatif dan berjalan lancar.

Dalam penuh debaran, Farahtul Najjah

## Majlis gemilang di tempat sendiri



Piala rebutan warga Kolej Kelima.

Abdul Kadir, Naib Presiden 2 Majlis Tertinggi Kolej Kelima diumumkan sebagai penerima Beyond Academic Excellence Award.

Anugerah Budayawan dan Budayawanis menjadi milik kepada Awang Annuar Awang Mansor dan Raihan. Anugerah Olahragawan dimenangi Sharudin

Abd. Rahman. Nurul Fariha Ahmad Fawzi dan Nurul Hidayah Abdul Khalid dianugerahkan Akademik terbaik Diploma dan Ijazah.

Anugerah Khas Felo berpihak kepada Wan Nur Syakirin Wan Abd. Rahman dan Sashitaran a/l Subramaniam. Seterusnya, mahasiswa mahasiswi berbakat dan berketrampilan diberikan Anugerah Kepimpinan Kolegian Tahap 1, Anugerah Kepimpinan Kolegian Tahap II, Anugerah Khas Kepimpinan dan Anugerah Khas Pengurusan.

"Kejayaan warga Kolej Kelima semakin memberikan reputasi dan meningkatkan kualiti kolej berbanding dengan kolej lain. Perlu diingat, pembelajaran mesti diteruskan sepanjang hayat selepas bergraduat nanti," ucap Pengetua Kolej Kelima, Dr Mohamad Shatar Sabran.



Bertuah.... Mohd Rizal Abd. Ghani bergambar dengan Dato' Ahmad Zahid Hamidi.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI  
Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**PUTRAJAYA (26 Feb)** - Mohd Rizal Abd. Ghani, penuntut Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) diumumkan penerima Anugerah Permata KOSASS yang turut menerima Anugerah Kepimpinan Terbaik (Siswa) sempena Malam Sejambak Budi ke-22 dan Anugerah Bakti Dikenang Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) di Dewan Seri Endon Puspanitapuri Putrajaya, Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Saya tidak sangka akan dapat anugerah tertinggi kolej pada tahun ini.

Selama ini, saya akan menerima semua tugas di KOSASS dengan menjalankan tugas dengan sehabis baik seolah-olah peluang terakhir," komen Mohd Rizal Abd. Ghani.

Menurutnya lagi, rahsia kejayaannya adalah muhasabah daripada kegagalan waktu silam dan berkat asuhan didikan ibu bapanya yang mementingkan ilmu pengetahuan.

Anugerah Kepimpinan Terbaik Siswi dimenangi Misah binti Mansor, Anugerah Akademik Terbaik milik Abu Shahmah Jamaluddin.

Olahragawan dan Olahragawati Kolej dimenangi Mohd Hafiz Arif dan Maizatul

Akma Abas. Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan PK Mohd Firdaus Zakaria dan Nurul Azlina Amali. Anugerah Kepimpinan Sukan LM Mohd Basir Arif.

Seterusnya, Anugerah Blok Terbaik keseluruhan dimenangi Blok Seladang, Anugerah Kelab Terbaik, Kelab Gendang 24 Musim.

Diikuti, 26 pelajar menerima Anugerah Ayahanda Pengetua. Anugerah Khas KOSASS Idzhar Yusof, Mohd Nizam Nazaruddin dan Husalshah Rizal Hussain.

"Reputasi KOSASS yang hebat dan sering menjadi johan dalam pertandingan di UPM membuktikan prestasi optimum warga KOSASS dan saya sungguh tertarik

## Mohd Rizal ikon KOSASS cemerlang

*"Saya tidak sangka akan dapat anugerah tertinggi kolej pada tahun ini. Selama ini, saya akan menerima semua tugas di KOSASS dengan menjalankan tugas dengan sehabis baik seolah-olah peluang terakhir,"*

*Mohd Rizal Abd. Ghani.*

dengan konsep majlis ini iaitu mengenang semula usaha Allahyarhamah Datin Seri Hendon Mahmud dan dapat niemastikan warisan bangsa ini terus dihargai oleh generasi muda," Dato Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Menteri Penerangan Malaysia.

Dato' Zahid berpesan agar semua pelajar tahun akhir KOSASS terus menimba ilmu pengetahuan selepas tamat bergraduat nanti, bukannya tiket untuk berbangga menjawat jawatan tinggi dan terus mengunjungi dan membantu pihak UPM untuk mencapai tahap universiti yang cemerlang dan terbilang di negara ini.

# Penuntut Komunikasi pelajar terbaik KPZ

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'R'I

Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**BANGI (19 Mac)** - Khairul Mahyuddin Areni, Bacelor Komunikasi (Penyiaran), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati jangkaan sebagai penerima Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan Kolej Pendeta Za'ba sempena Malam Anugerah Kecemerlangan Pendeta Kali ke-14, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET).

Kejayaan beliau diukur berdasarkan kepada bakat, kepimpinan dan ketepatan bertutur. Beliau merupakan pendebat universiti dan sesuai dengan moto KPZ iaitu 'Hanya Yang Terbaik'.

Dengan tema "Keunggulan Warisan Za'ba, Tuggak Aspirasi Negara" senarai penerima anugerah diberikan kepada Zool Hilmi Mohd Sokri dan Nur Fadilah Husin sebagai Olahragawan dan Olahragawati. Squash terpilih sebagai Anugerah Pasukan

Sukan Terbaik.

Anugerah Kepimpinan pula dimenangi Noor Hafiz Noor Eing (anugerah Pemimpin Berbakat) dan Mohd Sabrie Mohamad Salleh (Anugerah Tunas Kepimpinan).

Anugerah Khas pula, Noorhana Ibrahim (Anugerah Akademik Terbaik), Anis Adila (Anugerah Khas MTM), sepuluh penerima anugerah Kepujian KPZ dan sepuluh penerima Anugerah Putra Pendeta yang baharu diperkenalkan kali ini.

Seterusnya, Anugerah Projek/Aktiviti berpihak kepada Festival Za'ba 2006 (Anugerah Projek Tahunan Terbaik) dan Nor Rashidi Sulaiman (Anugerah Pengarah Terbaik).

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, KPZ akan diberikan keutamaan dalam pemberian bajet universiti untuk membina dewan sebagai meningkatkan kemudahan aktiviti di KPZ.



Gembira.... Khairul Mahyuddin Areni menerima piala daripada Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

## Kepimpinan jamin kejayaan organisasi

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI

**PUTRAJAYA (28 Februari)** - Pelajar Trimester tujuh, Bacelor Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dengan kerjasama Biro Tatanegara (BTN), Putrajaya menganjurkan Seminar Pengurusan Kepimpinan Organisasi Cemerlang 2006 baru-baru ini.

Program ini salah satu aktiviti di luar kampus yang memerlukan kemahiran akademik mahu pun teori yang dipelajari seterusnya diperaktikkan secara efektif, menerusi kursus KOC 3231- Teori Komunikasi Keorganisasian.

Selain itu, ia juga diadakan untuk memberi penerangan kepada mahasiswa tentang kepimpinan di masa akan datang. Dengan arus globalisasi pada masa ini menyebabkan kepincangan dalam kepimpinan masa kini.

Setiausaha Politik, Datuk Dr. Adham Baba, dari Kementerian Pengajian Tinggi turut mengkongsikan pengalaman dan pandangan beliau berkenaan kepimpinan. "Peningkatan kecemerlangan hanya dapat dilakukan dengan kecemerlangan kepimpinan,, bukan sahaja di pimpin, tetapi pengikut yang mengikuti aspirasi," katanya.

"Kepimpinan adalah peranan besar

dalam kejayaan organisasi. Organisasi yang cekap bukan sahaja untuk rakyat Malaysia sahaja tetapi juga untuk rakyat luar negara. Ini adalah penting bagi merealisasikan organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya lagi.

Ini turut dipersetujui oleh Timbalan Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Dr. Ibrahim Salleh, kepimpinan merupakan satu syarat dalam memimpin dan komunikasi tidak dapat dipisahkan dalam proses kepimpinan.

Pihak Biro Tatanegara (BTN) turut memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi melatih mahasiswa dalam kepimpinan untuk masa akan datang.

Menurut Penolong Pengarah, Bahagian Mahasiswa dan Pelajaran Remaja BTN, Mohd Zaidi Zaidin berkata, pihak BTN akan beri sokongan kepada mahasiswa dalam kepimpinan kerana ia adalah aset penting untuk kegunaan di masa akan datang.

Dalam pada itu, antara aktiviti yang diadakan pada seminar sehari ini adalah menampilkan para pelajar trisemester 7 memberikan ceramah berkenaan kepimpinan organisasi oleh Meganathan Suppiah dan Fauzi Che Yusuf.

## Retreat MTM Kolej Kedua rancang aktiviti



Para peserta Retreat MTM Kolej Kedua bergambar berkumpulan.

**AYER KEROH (3-6 Dis)** - Seramai 44 mahasiswa terdiri daripada 28 orang ahli Majlis Tertinggi Mahasiswa, Kolej Kedua, 16 orang Top Blok dan Sekretariat dan lima felo dan pegawai pengiring terlibat dalam Retreat Majlis Tertinggi Mahasiswa, Kolej Kedua bagi sesi 2005-2006. Program tersebut diadakan dengan kerjasama daripada pihak pengurusan Kolej Kedua, Universiti Putra Malaysia.

Program yang telah berlangsung selama empat hari dan tiga malam tersebut telah diadakan di Kolej Kedua, Universiti Putra Malaysia dan juga di Hotel AnCasa, MITC, Ayer Keroh, Melaka. Program ini dijalankan bertujuan untuk membentangkan dan membincangkan aktiviti-aktiviti yang dirangka untuk dilaksanakan di Kolej Kedua oleh barisan Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kedua sesi 2005-2006.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membentuk program-program yang dapat memanfaatkan semua kolegiat dari segi akademik dan sahsiah. Program ini juga diharapkan dapat merapatkan lagi ukhwah di kalangan ahli Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kedua dengan pihak pengurusan Kolej Kedua.

# Anugerah emas milik Mas Nida

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**SEPANG** - Malam Mutiara Gemilang Kolej Keenam menjadi kenangan manis buat Mas Nida Md. Khambari, penuntut Bachelor Pendidikan Teknologi Maklumat sebagai penerima Anugerah Emas yang menjadi rebutan semua warga kolej Keenam setiap tahun. Namanya juga diumumkan sebagai penerima Anugerah Siswi Terbaik.

Amiruddin Moksin dan Norfadlihaslini Mohd Nor pula dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati. Diikuti, Priscilla Moses dan Muhammad Aysraf Ibrahim penerima Anugerah Siswa/Siswi Terbaik Akademik.

Sepuluh pelajar dipilih sebagai penerima Anugrah Khas Pengetua dan

Penghargaan khas diberikan kepada mantan pengurus kolej.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abd. Latif Ahmad berkata, majlis seperti ini dapat menyorot kembali perjuangan dalam menimba ilmu pengetahuan dan dapat menyuntik semangat untuk terus berusaha membina kehidupan lebih berkualiti.

"Dengan azam yang tinggi dan semangat kukuh, kejayaan akan dicapai. Semoga perjuangan anda berterusan dan anda terus menjadi pemangkin kepada masyarakat yang memerlukan suntikan formula perubahan dalam pelbagai aspek dan saya yakin anda semua mampu melakukannya," pesan Pengetua Kolej Keenam, Prof. Madya Dr Che Roos Saad.



Detik penuh makna. Mas Nida menerima piala daripada Datuk Dr. Abd. Latif Ahmad.

# Merah simbolik kejayaan Kolej Dua Belas



MTM dan pentadbir Kolej Dua Belas bergambar bersama YDM Dato' Seri Diraja Syed Razlan.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Sabri Omar

**PUTRAJAYA (11 Mac)** - Warna merah lambang keberanian menjadi pilihan warna tema sempena Majlis Makan Malam Rasmi Kolej Dua Belas kali keVI di Hotel Marriott dekat sini.

Simboliknya, warna penuh pengertian positif dan tuah ini berjaya menjadi latar situasi majlis penuh semangat membara seperti genggam bara api biar sampai jadi arang.

"Untuk berjaya, anda semua perlu berfikir dan bertindak ke arah positif setiap

masa. Tetapkan hala tuju hidup kerana tidak hanya terus berserah kepada tuhan. Kuasai Bahasa Inggeris untuk memudahkan berkomunikasi dan menghadiri temuduga dengan berjaya mendapat kerja," ucap tetamu kehormat, YBM Dato' Seri Diraja Syed Razlan Jamallulail Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamallulail.

Pingat Setia Bakti menjadi milik Nor Irfan Nor Azman dan Noorhafzan Abd Majid. Diikuti, Pingat Pekerti Terpilih diberikan kepada Mohd Hafiz Rusli, Purnee a/p Balakrishnan, Normahifa Nordin, Noriah Razali, Norazrin Jaafar dan Marhani Jaafar.

Akademik Terbaik Ku Chin Theng, Mohd Saiful Hafiz Mohd Noor dan Cecilia dianugerahkan sebagai olahragawan dan olahragawati Kolej Dua Belas.

Pengetua Kolej Dua Belas, Dr. Saidon Amri, berkata mengetuai pimpinan dan pengurusan di kolej yang paling ramai siswa-siswi di UPM menjadi suatu cabaran dan amanah.

"Perkembangan terbaru, kemudahan makmal komputer baru dibuka, pencapaian akademik semakin merangsangkan dengan bilangan mahasiswa yang mendapat PNGK 3.00 ke atas semakin meningkat. Kompleks Kolegiat Kolej Dua Belas juga sedang dalam proses untuk disiap," katanya kepada semua yang hadir.



Tetamu kehormat diraikan dengan penuh protokol.

# Azam baru ubah persepsi


Oleh: NORLIYANA (KOLEJ KEDUA)

**SERDANG (31 Dis)** - "Majlis Sambutan Azam Baru 2006" berlangsung selama 4 jam di sekitar kawasan Kolej Kedua, UPM berjaya untuk memperkenalkan azam baru Kolej Kedua bagi tahun 2006 kepada semua warga Kolej Kedua.

Seterusnya, menyemai dan memupuk semangat baru bagi meningkatkan potensi diri supaya selari dengan azam Kolej Kedua bagi tahun 2006 iaitu "Sahsiah Mantap Akademik Gemilang".

Majlis ini melibatkan semua warga kolej, felo-felo blok dan semua kakitangan pengurusan Kolej Kedua. Aktiviti bermain futsal untuk pelajar lelaki dan jigsaw puzzle untuk pelajar wanita. Kejohanan Futsal dimenangi oleh pasukan MTM Kolej Kedua dan Jigsaw Puzzle pula dimenangi oleh Blok Rajawali dan menerima hadiah daripada Pengetua, Dr. Mohd Fauzi bin Ramlan

Sesungguhnya, "Majlis Sambutan Azam Baru 2006" merupakan program yang julung-julung kalinya diadakan di Kolej Kedua dengan kerjasama Pihak Pengurusan Kolej Kedua, Universiti Putra Malaysia majlis tersebut telah bejalan dengan jayanya..



Penerima anugerah yang dirai bersama Dato' Noraini Ahmad dan Iza Dura Abdul Manan.

# Anugerah Seri Budiman jadi perhatian

Oleh: NOR ELLINA ABD. RAZAK  
Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**BANGI (1 April)** - "Malam Seri Budiman diadakan saban tahun untuk menghargai mahasiswa tahun akhir, kali ini kita meraikan mahasiswa tahun akhir sesi 2005/06 dan juga sebagai landasan untuk memberikan penghargaan kepada mahasiswa yang telah berjaya mengharumkan nama Kolej Kesebelas melalui pelbagai aktiviti yang disertai sama ada di peringkat kolej mahu pun di peringkat universiti," ucap Iza Dura Abdul Manan, Pengetua, Kolej Kesebelas, UPM.



Kehadiran yang disambut meriah.


Malam Seri Budiman Ke-7 2005/2006, anjuran Kolej Kesebelas Universiti Putra Malaysia, bertemakan 'Unggul Intelek Teras Kecemerlangan', berlangsung di Hotel Equatorial, Bangi, Selangor.

Kemeriahannya majlis ini bertambah dengan kehadiran Dato' Noraini Ahmad, Penasihat Yayasan Hikmah Insan.

"Ingatlah, cabaran dunia pasca-kampus lebih getir. Tiada yang dapat membantu diri kita untuk terus bergerak maju melaikan ilmu, pengetahuan dan keupayaan diri sendiri. Gunakanlah setiap inci pengetahuan dan pengalaman yang

ditimba semasa di universiti sebagai perisai menghadapi cabaran di luar sana", kata Dato' Noraini Ahmad.

Anugerah Seri Budiman (Anugerah Tertinggi Peringkat Pelajar), Siri Amni bt. Ismail, Anugerah Tun Fatimah (Kepimpinan) menjadi milik Hew Kah Mei, Anugerah Tun Nyemah Mulia (Akademik) dimenangi Wan Nurhanani bt Wan Jusoh, Anugerah Putri Perkasa (Sukan) dirangkul Hamidah bt. Kahmis, Anugerah Tokoh Srikandi (Anugerah Khas), Prof. Datin. Dr. Khatijah bt. Mohd Yusoff.



Prof. Datin Dr. Khatijah Mohd Yusuf turut menerima Anugerah.

# Kolej Kedua terima kunjungan UIA

Oleh: NORLIYANA

**SERDANG (7 Jan)** - Kolej Kedua menerima kunjungan muhibbah daripada delegasi Universiti Islam Antarabangsa, Gombak. Delegasi tersebut yang disertai oleh 50 orang pelajar serta 2 orang felo dari dua buah Marhallah iaitu Marhallah(Kolej) Ali dan Marhallah Safiyyah tiba di Kolej Kedua.

Ia bertujuan untuk mendedahkan ahli majlis perwakilan pelajar kedua-dua marshallah tersebut tentang aktiviti, pengurusan, dan kemudahan yang terdapat di kolej kedua serta mengeratkan hubungan antara ahli-ahli perwakilan pelajar dari marshallah tersebut dan ahli majlis tertinggi mahasiswa (MTM) Kolej Kedua.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi beramah mesra antara delegasi UIA dan MTM, lawatan di sekitar kolej dan pembentangan aktiviti dari kedua belah pihak. Lawatan di sekitar kolej dijalankan mengikut kumpulan dan delegasi tersebut telah dibawa untuk melawat blok pelajar iaitu blok Helang dan Merpati serta beberapa bilik dan kemudahan yang terdapat di Kolej Kedua seperti gimnasium, bilik penerbitan, bilik layar jubli, ruang tamu pelajar, bilik perbincangan dan akademik, studio dan pejabat kolej Kedua.

Sesi pembentangan aktiviti kolej pula telah dibuat Sekretariat Akademik dan Pendidikan, Sekretariat Penerbitan dan Informasi, Sekretariat Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi. Rombongan UIA juga membentangkan aktiviti mereka seperti aktiviti dari sekretariat Sukan dan Rekreasi, Penerbitan dan ICT serta Sekretariat Dakwah dan Tarbiyyah.

Banyak manfaat yang telah diperolehi dari kunjungan ini di mana kedua-dua pihak dapat mengetahui tentang cara pengurusan kolej serta bertukar-tukar fikiran untuk meningkatkan lagi mutu pengurusan, kemudahan dan aktiviti yang dijalankan di marshallah dan kolej masing-masing.



Pelajar UIA bergambar dengan pelajar Kolej Kedua

# Pesta Ang Pau 2006, Hari Asyura pupuk integrasi mahasiswa



Dato' Dr. Adham Baba Bersama Pegawai dan mahasiswa sedang memasak Bubur Asyura.



Majlis perasmian sambutan Hari Integrasi UPM.

.....Persefahaman, Persaudaraan, Perpaduan

Oleh: NOR ELLINA ABD. RAZAK

Foto: Ahmad Fua'd Alwi

Hari Integrasi Universiti Putra Malaysia buat pertama kalinya diadakan baru-baru ini. Majlis anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa, UPM.

Hari integrasi yang dirancang ini mengandungi dua sambutan iaitu Pesta Ang Pau dan juga Sambutan Hari Asyura. Sesungguhnya kedua-dua sambutan ini mempunyai matlamat sama iaitu untuk

mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat.

Program Pesta Ang Pau 2006 yang bertemakan Persefahaman, Persaudaraan, Perpaduan. Sambutan Hari Asyura pula menerapkan elemen yang sangat penting iaitu semangat kerjasama dan sikap bergotong-royong dalam setiap diri individu mahasiswa. Aktiviti yang mengumpulkan mahasiswa berbilang bangsa untuk bergotong-royong menyediakan bahan-bahan memasak, dan mengagihkan kepada semua warga UPM adalah nialai terpuji yang harus diteruskan dan dicontohi.

# Mahasiswa UPM terus mencipta nama

**SERDANG** - Aktiviti kebudayaan dan kesenian di kalangan penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) semakin menyerlah dan menunjukkan 'petanda baik' bahawa warisan budaya dan seni bangsa "Tak lapuk dek hujan, tak lengkang dek panas".

Bermula dengan Fiesta Warisan Pantun Tiga Penjuru (FIRU'S IV) 2006 melibatkan penyertaan daripada semua kolej kediaman membawa objektif meningkatkan kesedaran, minat serta mengembalikan seni berpantun di kalangan mahasiswa kampus.

Program anjuran Kolej Canselor dengan kerjasama Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa menyaksikan Pasukan Kirana Harmoni dari Kolej Kelima sebagai Johan yang diwakili oleh Awang Annuar b. Awang Mansor sebagai Pemantun Terbaik, Noraziah binti Zazali, Abdul Malek b. Ab. Man, Nurulhuda bt. Mohamad Zaman dan Apizah bt. Mohamad (simpanan).

Tempat Kedua pula disandang oleh Sita Walinong Sari dari kolej Kesepuluh. Hadiah-hadiah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Azali Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Barisan pemantun UPM mengharumkan nama univeristi dengan menggondol JOHAN bagi Festival Pantun Piala Canselor 2006 yang telah berlangsung di Universiti Multimedia, Ayer Keroh, Melaka pada 20 hingga 22 Januari 2006 yang lalu. Pemantun yang terdiri daripada Nordiana Liki sebagai pemantun terbaik keseluruhan, Mohamad Abdullah, Awang Annuar Awang Mansor dan Ahmad Hafizd Hitam sebagai simpanan bukan sahaja memikat hati juri Dan mampu berpantun secara berkualiti.

Sekali lagi, Universiti Putra Malaysia terus mengungguli Pertandingan Pantun Antara Universiti-Universiti Malaysia Peringkat MAKUM apabila berjaya



Barisan pemantun UPM bersama pegawai B'HEM.

menempah tempat pertama dengan membawa pulang wang tunai RM1000.00 dan piala pusingan setelah berjaya buat pertama menjadi Johan Pertandingan Pantun Piala Canselor di Auditorium Utama, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) yang juga selaku tuan rumah telah disertai oleh 14 buah universiti termasuk UPM.

Dalam Festival Tari MAKUM pula, UPM membawa pulang Anugerah Khas Juri

dan turut disampaikan sendiri oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Azali Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) selaku Pengurus Sekretariat Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM). Johan pula disandang oleh UM, Naib Johan pula disandang oleh UNIMAS dan UiTM (Sarawak) di tempat ketiga.

Dalam festival tersebut, UPM dengan diwakili oleh Kelab Senitari Adimastuli dibawah kelolaan Unit Kebudayaan, BHEM memberikan persembahan mantap dan idea-idea segar menerusi pementasan tarian bagi kategori asli dan kreatif yang sangat menghiburkan.

Kehebatan mahasiswa UPM tidak dapat disangkal lagi setelah 'Feista Senandung Irama Dikir Barat Inter kolej (SIDRAT) 2006' bersempena dengan kempen Budi Bahasa Budaya Kita dan Nilai-Nilai Murni Peringkat UPM bertempat di Dewan Kolej Kesepuluh dan Panggung Percubaan, pelbagai kategori yang telah dipertandingkan antaranya Anugerah Tukang Karut Terbaik yang dimenangi oleh Kolej Kesepuluh dan Anugerah Keceriaan Pasukan yang disandang oleh kolej Canselor.

Majlis yang julung-julung kalinya dianjurkan ini mendapat kerjasama daripada Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa dan Sekretariat Kebudayaan kolej Sepuluh sebagai Pengajur Utama

menerima penyertaan daripada Semua kolej Kediaman UPM.

Warga kolej kelima boleh berbangga dengan dua anugerah yang telah dibolotnya iaitu Anugerah Persembahan terbaik dan Juara Terbaik yang melayakkannya dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan diikuti Kolej Kesepuluh ditempat kedua dan kolej keenam ditempat Ketiga. Hadiah-hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Dr. Mohamad Azani Alias, Pengetua kolej Kesepuluh selaku tetamu kehormat pada malam tersebut.

*Sekali lagi, Universiti Putra Malaysia terus mengungguli Pertandingan Pantun Antara Universiti-Universiti Malaysia Peringkat MAKUM apabila berjaya menempah tempat pertama dengan membawa pulang wang tunai RM1000.00 dan piala pusingan setelah berjaya buat pertama menjadi Johan Pertandingan Pantun Piala Canselor di Auditorium Utama, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) yang juga selaku tuan rumah telah disertai oleh 14 buah universiti termasuk UPM.*



Pemantun sedang beraksi.



'Gimmick' perasmian penuh kreatif.

*Oleh: SHARIL NIZAM SHA'R'I**Foto: Ahmad Fu'a'd Alwi*

**SERDANG (2 April)** - Anugerah Third Collegian dimenangi oleh Mohd Shafiq Khalid, Anugerah Kepimpinan Siti Suhana

Abdul Rahman, Anugerah Kepimpinan Harapan, Noor Nazira Maliki.

Olahragawan dan Olahragawati, dimenangi Sharizman Abdullah Shahimi, Syarifah Shairah Syed Abdul Wadud, Anugerah Akademik Terbaik menjadi

## KTDI iktiraf sembilan anugerah utama

milik Shanice The Pei Ru.

Diikuti, Anugerah Wakil Tingkat Terbaik Khairulazhar Jumbri, Angerah khas (Abdul Rani Bajuri, Fong Khang Loon, Sasikala a/p Murthy, Nur Hafizah Muhamad Nor, Norlida Ismail) dan Anugerah Setia Kolej Tun Dr. Ismail (Che Pakrul Azmi Che kadir, Ahmad Raziz Rashid dan Mohd Farhan Rahmat).

Kesemua penerima anugerah dan mahasiswa tahun akhir ini diraikan dalam Malam Apresiasi Keunggulan Tradisi 2005/2006, Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI), UPM dengan tema sambutan 'kesinambungan tradisi memprkasa realiti'.

"Tema tersebut dipilih dengan justifikasi untuk menggambarkan segala tradisi dan warisan kecemerlangan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu KTDI akan tetap dan berkekalan seterusnya menambah semarak semangat di dalam jiwa warganya untuk terus meningkatkan kecemerlangan," ucap Prof. Madya Dr. Jamal Talib, Pengetua KTDI.

Dalam majlis tersebut, Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah mengharapkan semua mahasiswa KTDI dapat menjadi pemimpin yang berkualiter untuk negara pada masa depan dan tidak jemu berusaha serta menabur bakti.

## Boria penyeri Festival Za'ba

**SERDANG** - Kolej Pendeta Za'ba Universiti Putra Malaysia mengambil langkah inisiatif penuh proaktif dengan menjadikan persembahan Boria sebagai aktiviti Festival Za'ba baru-baru ini.

"Boria akan dijadikan identiti budaya untuk warga KPZ. Sebabnya, semua kolej kediaman di UPM sudah mencipta nama dalam seni masing-masing. Seperti, pantun, dikir barat, teater, tarian, sukan dan debat," kata Pengurusnya, Mastor Yusof, mengenai perancangan masa depan Boria di KPZ.

Festival yang merangkumi semua aktiviti kesukanan, usahawan, budaya, forum, dan akademik ini ternyata mendedahkan kepada mahasiswa kolej mengenai budaya dan nilai murni yang terdapat di kalangan warga KPZ, merapatkan hubungan dan silaturahim antara KPZ dengan warga universiti yang lain, mendedahkan, dan memperkenalkan budaya dan tokoh negarawan yang bernama Za'ba kepada warga universiti yang lain,

Seterusnya, mencungkil bakat dan memupuk semangat kerjasama di kalangan mahasiswa UPM melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program ini, dapat membentuk modal insan di kalangan warga UPM.

Berdasarkan pemerhatian penulis, warga UPM berpeluang untuk mengenali dan mendekati budaya dan cara hidup mahasiswa KPZ dengan lebih dekat dan rapat. Ini kerana kurangnya aktiviti atau program yang dapat merapatkan hubungan dan kerjasama antara warga Kolej Pendeta

Za'ba dengan warga UPM yang lain dan kurangnya pendedahan kepada mahasiswa KPZ mengenai cara kepimpinan dan pengurusan program atau organisasi yang

lebih mencabar.

Nama kolej ini diberi sempena nama seorang tokoh negarawan yang bernama Zainal Abidin bin Ahmad yang telah

dianugerahkan gelaran Pendeta Za'ba yang terkenal sebagai cendekiawan dalam memartabatkan Bahasa Melayu di tanah air.



Boria penuh mesej berguna untuk menasihat generasi muda.

# Bakal doktor, pakar perubatan UPM dirai

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

**BANGI (21 Mac)** - "Mahasiswa perlu lebih cekap dan bijak mengatur langkah serta mengambil peluang yang ada. Perlu memeprolehi pelbagai kemahiran sebagai persediaan untuk menjadi bakal pemimpin dan peneraju negara pada masa akan datang," nasihat Ketua Menteri Melaka, YAB Dato' Seri Mohd Ali Mohd Rustam kepada semua mahasiswa tahun akhir Kolej Mohamad Rashid (KMR), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Majlis Jamuan Rasmi 2006 KMR yang berlangsung penuh gemilang di Hotel Equatorial ini memberikan jaminan kepada

negara sebagai bertambahnya bilangan doktor, pakar perubatan, pakar hutan, dan pendidik yang akan bergraduat tidak lama lagi.

Anugerah Puspa Adiwarna (pelajar terbaik keseluruhan) menjadi milik Khairina Mohamad Khalit yang turut memenangi Anugerah Seri Cenderawasih (Akademik Terbaik) bersama How Hai San.

Anugerah Seri Lanang (Kepimpinan Harapan) berpihak kepada Mohamed Hanief Khalid, Anugerah Citra Mestika (Khas Pengetua) menjadi rezeki Rosliza Abidin.

Diikuti, Noraina Muhamad Zukan, Azhar Yaacob, Noor Asikin Mohd Sakri

dan Chin Qian Yeen mendapat Anugerah Seri Nara (Jasa Bakti Kolej).

Anugerah Gagasan Perkasa (Olahragawati) dimenangi Munira Nor Shams, Anugerah Seri Kencana (Aspirasi Kolej) diberikan kepada Siti Zaleha Raduan, Nik Rohani Azman, Norhafidah Zulkily dan Mohd Khairul Hamzah.

Karnival KMR pula diangkat sebagai penerima Anugerah Seri Wahana (Aktiviti Kolej Terbaik).

Dua orang staf KMR juga turut diberikan penghargaan di atas jasa dan bakti berkhidmat di KMR, Tiawan Othman dan Nordin Ibrahim.

# Karnival Kolej Mohamad Rashid UPM 2006 penuh makna

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Ahmad Fu'a'd Alwi

**SERDANG (19-22 Jan)** – Bagi menepati usia 75 tahun UPM, Kolej Mohamad Rashid (KMR) atau dahulunya Kolej Kediaman Pertama dan kolej Cikgu Rashid merupakan kolej tertua di Universiti Putra Malaysia (dahulunya Universiti Pertanian Malaysia) berjaya menganjurkan Karnival Kolej Mohamad Rashid (KMR) dengan sambutan penuh bermakna dan berwawasan.

Karnival yang sungguh istimewa ini berjaya menghimpunkan sebanyak 330 beg darah yang berjaya dikumpulkan melalui kempen derma darah oleh warga kampus dan menggilap bakat kugiran 70-an di kalangan mahasiswa UPM.

Pengetua KMR, Dr Abu Sofian Yaacob berkata, sambutan sungguh menggalakkan dan keadaan cuaca yang baik turut membantu karnival berlangsung dengan meriah.

Karnival tersebut bertemakan 'KMR... Segala-galanya Bermula Di Sini' terbukti dapat menjadi medan pertemuan dan jalinan persaudaraan warga UPM dengan masyarakat umum dan para alumninya.

Lebih membanggakan, karnival ini membantu usaha KMR untuk mengumpulkan dan menemukan semula bekas-bekas penghuni kolej seramai yang mungkin yang kini berada di merata tempat di seluruh negara untuk kembali bersama KMR UPM.

"Melalui KMR, UPM ramai melahirkan graduan yang mahir dalam pelbagai bidang. Antaranya, pertanian, perniagaan, dan politik. Malahan, kebanyakan pegawai dan kakitangan UPM pada hari ini adalah berasal dari KMR," jelas Dr Abu Sofian Yaacob lagi.

Karnival yang berlangsung selama empat hari ini adalah anjuran Majlis Tertinggi Mahasiswa dan pihak pengurusan KMR. Dirasmikan oleh Naib Canselor UPM, Y. Bhg. Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program ini termasuklah pameran, gerai-gerai jualan, forum bicara intelek, program derma darah, pertandingan futsal, pertandingan fotografi, mini zoo, treasure hunt, Kempen keselamatan jalan raya dan pertandingan kugiran tahun 70-an.

# Staf UPM diseru tingkat prestasi kerja dan kemahiran

Oleh: JULIE, PEJABAT PENDAFTAR  
Foto: Abu Kassim Zaini

**MELAKA:** Usahasama Seksyen Latihan, Pejabat Pendaftar bergabung tenaga dengan Kesatuan Kakitangan Am UPM (KEPERTAMA) berjaya menganjurkan Kursus Pemantapan Prestasi Kerja dan Kepimpinan Staf Sokongan baru-baru ini.

Kursus yang diadakan di Sri Warisan Resort, Ayer Keroh Melaka ini memberi peluang penyertaan seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada staf sokongan dari gred 26 ke bawah. Mereka terdiri daripada perjawatan di dalam bidang perkeranian (N), kewangan (W), pembantu makmal (C), pembantu pertanian (G), pembantu perpustakaan (S), juruteknik (J), pembantu teknologi (F) dan bidang perubatan (U).

Objektif kursus tersebut untuk memupuk kemahiran komunikasi yang berkesan agar budaya kerja berpasukan dapat diaplikasikan bagi meningkatkan kompetensi dan integriti staf. Ia sekali gus akan menjadi wahana kepada pencapaian matlamat Universiti untuk membangunkan sumber manusia untuk melahirkan perkhidmatan berkualiti.

Selain daripada itu, aspek kepimpinan turut dititik beratkan kerana

kebanyakan peserta terdiri daripada kumpulan sokongan senior yang turut terlibat dengan tugas berkaitan penyeliaan dan pemantauan di dalam pelbagai bumbung perjawatan. Penceramah berkalis seperti encik Wan Azman Wan Omar, Timbalan Pendaftar Kanan UPM, Prof. Madya Dr. Mohd. Fadhil Che Din dan Dr. Shamsudin Ahmad dari Fakulti Pengajian Pendidikan serta Prof. Dr. Shaik Noor Alam, Pengarah Bahagian Perundungan dijemput bagi menyumbang idea dan berkongsi ilmu.

Kursus selama tiga hari tersebut dirasmikan oleh Pemangku Pendaftar, Tuan Hj. Mohamed Ghazali Hj. Ali. Dalam ucapan perasmianya, Hj. Mohamed Ghazali juga menekankan hasrat yang seiring dengan saranan YAB Perdana Menteri terhadap perlunya diberi tumpuan kepada 'modal insan' supaya keseimbangan pembangunan fizikal dan rohani tidak diabaikan.

"Sebagai sebuah universiti yang telah matang seiring dengan pencapaian usia ke-75 di persada pendidikan, tanggungjawab melahirkan generasi pemimpin bagi menjamin kesinambungan kepimpinan dan pembangunan negara harus dipikul oleh semua lapisan warga universiti. Ibarat

pepatah Melayu yang berbunyi, 'kerja baik berimbauan, datang buruk berhamburan', iaitu bekerjasama di dalam kumpulan adalah perlu bagi mendapatkan hasil terbaik kerana kesepakatan amat menguntungkan sebagai 'kuat berdiri sebatang pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya,' kata Hj. Ghazali lagi.

Manakala Ketua Menteri Melaka, YAB Dato' Seri Mohd. Ali bin Rustam dalam ucapan di majlis penutup kursus tersebut juga meluahkan hasrat yang sama kerana pengalaman beliau yang pernah bertugas sebagai kerani di Lembaga Letrik Negara (kini Tenaga Nasional) dahulu turut menjelaskan betapa pentingnya peranan staf sokongan dalam menjayakan objektif organisasi atau majikan yang menaungi pekerjanya.

Ketua Menteri Melaka juga merasa sangat bangga apabila UPM telah memilih Melaka sebagai destinasi pengajuran kursus dan kesudian itu disambut dengan tangan terbuka kerana selaras dengan slogan negeri Melaka yang berbunyi, 'Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia' dan beliau sedaya upaya meluangkan masa untuk bertemu ramah dengan para peserta.



Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee merasmikan seminar.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RIF

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

**SERDANG (19 MAC)** – “Bahasa Melayu masih lagi mempunyai khalayak dan kelompok sasarnya, bahkan tidak akan hilang selagi masih ada penutur dan mereka yang sanggup untuk memperjuangkan bahasa. Peranan bahasa Melayu sebagai wadah untuk menjalin interaksi secara vertikal dan horizontal, sewajarnya tidak hanya di lihat sebagai ungkapan yang bersifat retorik semata-mata,” ucap Dr. Arba’ie bin Sujud, Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu FBMK, UPM.

Menurutnya lagi, seperti yang ditegaskan oleh Tunku Abdul Rahman yang menjelaskan bahawa Bahasa Melayu sebagai satu negara yang membangun, kita

memerlukan satu bahasa kepunyaan sendiri. Jika bahasa kebangsaan tidak diadakan, negara kita akan ketiadaan nyawa.

Inilah antara inti pati penting kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pengajian Tinggi Bahasa Melayu dengan tema ‘Bahasa Melayu Wahana Ilmu dan Pemikiran’ di Pusat Pendidikan Luar, Universiti Putra Malaysia baru-baru ini.

Seminar anjuran mahasiswa Master Bahasa Melayu Pendidikan Jarak Jauh, Pusat Pendidikan Luar dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi berjaya mencetuskan persoalan yang mengukur kedewasaan rakyat negara ini.

Ternyata, seminar ini memberikan kebenaran dan hakikat mengenai Bahasa Melayu yang dikatakan dipinggirkan oleh para cendekiawan Melayu dan wajarkan

guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu mendapat eluan tambahan seperti pengajar subjek sains dan matematik dalam English sebagai usaha mengangkat maruah Bahasa Melayu.

Seramai 25 para pembentang kertas kerja yang turut terlibat dalam jawatan pelaksana seminar buat julung kalinya dianjurkan oleh mahasiswa Master Bahasa Melayu PJJ UPM kali ini.

Menurut Zamsuri Mat Sehap seminar ini memberikan nilai akademik, mengasah pengalaman dan nilai nostalgik kerana kesemua mahasiswa PJJ Bahasa Melayu dari seluruh semenanjung, Sabah dan Sarawak dapat berkumpul buat pertama kalinya serta bertungkus lumus menganjurkan seminar seperti yang diarahkan oleh Dr. Arba’ie bin Sujud.

Sementara itu, Azean Idruwani Idrus

# Bahasa Melayu ‘Wajah Kita, Cermin Kita’

berkata, tanggungjawab untuk mengumpulkan semua kertas kerja dan diproses untuk dicetak dalam bentuk buku memang menguji kesabaran dan kemahiran diri dalam menguruskan masa untuk keluarga, pelajaran dan kerja.

Lebih membanggakan seminar ini berjaya menyatukan guru-guru, pegawai tadbir, pembaca berita RTM, wartawan, editor dan pensyarah untuk sepakat dan sepenuh hati belajar secara PJJ yang hanya diketahui cabarannya yang tidak semudah dikata dan diduga.

Sebuah buku prosiding seminar yang siap diterbitkan dengan memuatkan 26 kertas kerja pelbagai tajuk yang boleh dijadikan sumber rujukan boleh dibeli oleh sesiapa individu yang berminat boleh hubungi 017-2328976.



Dr. Arbaie Sujud (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee.



Semua pembentang kertas kerja seminar pendidikan Jarak Jauh UPM.



Sama hebat dalam malam kebudayaan.

Oleh: NOR ELLINA AB RAZAK  
Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**SERDANG (9-12 Feb)** - Sambutan Minggu Terbuka Kolej Kembar yang bertemakan 'Mahasiswa Globalisasi Sahsiah Terpuji bertempat di kolej Keenam, Universiti Putra Malaysia anjuran Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej

Keenam Universiti Putra Malaysia wajar menjadi contoh dan diikuti oleh kolej-kolej lain di Institut Pengajian Tinggi di negara ini.

Ini kerana Sambutan Minggu Terbuka Kolej Kembar (MTKK) 2006 dianjurkan secara bijak melalui perkongsian pintar dengan melibatkan penyertaan dari warga Kolej Keenam tetapi juga penyertaan

## Program kembar Kolej Keenam dan Kolej Desasiwa Cahaya Gemilang USM

### "Mahasiswa Globalisasi Sahsiah Terpuji"

daripada penghuni Kolej Desasiwa Cahaya Gemilang, Universiti Sains Malaysia (USM).

Program yang julung-julung kalinya diharapkan dapat menjalankan ukhuwah di kalangan mahasiswa dan mahasiswi yang berbilang kaum dari kedua-dua kolej. Selain itu, MTKK juga menjadi satu medium untuk mahasiswa membina kecemerlangan diri daripada aspek kecemerlangan akademik, perhubungan sosial dan kepemimpinan. Melalui program ini juga, secara tidak langsung

mahasiswa dapat bertukar-tukar idea dan pengalaman yang dapat dikongsi bersama dalam menerajui tampuk kepemimpinan yang semakin mencabar.

"Program sebegini dapat membentuk mahasiswa ke arah berketerampilan bukan sahaja dari segi intelek, sahsiah, rohani dan jasmani tetapi juga dalam aspek kepemimpinan dalam menempuh cabaran Wawasan 2020 yang bakal tiba," ujar Prof. Madya Dr. Che Roos Saad, Pengetua kolej Keenam.

## Syarahan Inaugural UPM berjalan lancar

Oleh: NOR ELLINA AB RAZAK  
Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**SERDANG** - Seramai lima profesor Universiti Putra Malaysia (UPM) berkesempatan menyampaikan Syarahan Inaugural mengenai kepakaran masing-masing bermula pada 27 Januari 2006 sehingga 31 Mac 2006.

Aktiviti akademik yang dikendalikan oleh Bahagian Komunikasi Korporat ini diadakan pada setiap bulan pada hari Jumaat, bermula pada jam 10.00 pagi di Dewan Taklimat, Tingkat Satu Bangunan Pentadbiran UPM.

Bermula dengan Prof. Dr. Norhani Abdullah menyampaikan syarahan 'Rumen Microbes and Some of Their Biotechnological Applications'. Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee dengan tajuk syarahan 'Haemorrhagic Septicaemia in' Cattle and Buffaloes: Are We Ready For Freedom?'

Diikuti, Prof. Dr. Kamariah Abu Bakar ('Activating Teachers' Knowledge and Lifelong Journey in Their Professional Development'), Prof. Dr. Borhanuddin Mohd Ali ('Internet Unwired') dan Prof. Dr. Sundararajan Thilagar (Development and Innovation in The Fracture Management of Animals).



Prof. Dr. Kamariah Abu Bakar menunjukkan hasil penyelidikan kepada Pegawai Kanan UPM.



Pintu masuk utama Hospital Bintulu.



Blok hospital yang lengkap dengan kemudahan.

# Jom pergi Bintulu

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI  
Foto: Ahmad Fua'd Alwi

“Saya nak tanya, kat Bintulu tu ada tak masjid, kedai makanan Islam, selamat tak?,” inilah soalan yang sering diajukan melalui telefon oleh para ibu bapa apabila anak mereka berjaya mendapat tawaran belajar ke Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) setiap kali musim kemasukan mahasiswa baharu ke Institut Pengajian Tinggi.

Mujurlah, semua pegawai pentadbiran dan akademik UPMKB sudah lari dengan semua situasi dan pertanyaan sedemikian. Sifat peramah dan sentiasa bertegur sapa pasti membuatkan anda ingin sekali ke UPMKB atau ke bandar Bintulu.

Tidak percaya! Jom ....kita berkongsi catatan perjalanan ke Bintulu oleh penulis

(Sharil Nizam Sha'ri) dan jurugambar (Ahmad Fua'd Alwi) bersama pegawai pengiring Abdullah Arshad, Mohd Fatihi Mat Nor, Kartini binti Kader dan Noor Ashikin binti Joblie.

Sebaik sahaja sampai di UPMKB dan mendapat tugas yang perlu disiapkan, kami terus ke Hospital Bintulu yang sudah dibina hampir dua tahun lebih. Bangunan masih baru dan menjadi tumpuan penduduk setempat untuk mendapatkan rawatan.

Sekali gus, mahasiswa UPMKB dijamin akan mendapat rawatan segera daripada pakar perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan. Ini kerana jarak hospital tersebut hanya lima minit sahaja dari UPMKB.

Keadaan persekitaran hospital sungguh mendamaikan. Seluas mata memandang. Penglihatan terpukau ke

kawasan perindustrian yang menjadi kebanggaan Bintulu dan sering menjadi bahan berita di media cetak dan elektronik.

Hendak tahu apa istimewanya kawasan tersebut? Sehingga menjadi sebutan penduduk Bintulu dan sesetengah orang Semenanjung? Kawasan tersebut turut menjadi signifikan kepada UPMKB? Nanti keluaran akan datang...



Sistem pengangkutan terancang.



Terubuk ikan masin yang boleh dibeli.



Kawasan perumahan.



Masjid tersegam indah di Bintulu.

# Kumpulan Nasyid UPM Dianugerahkan Persembahan Terbaik Festival Nasyid MAKUM 2006

**Kelab** Nasyid Nahwan Nur UPM telah menerima Anugerah Persembahan Terbaik di Festival Nasyid Makum 2006 anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yanglangsung pada 20 hingga 22 Februari 2006 bertempat di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Kumpulan yang diberi nama Putra Ikhwan ini yang diketuai oleh Mohd Nazif Samat @ Darawi menampilkan kelainan dan penuh kreativiti dengan lagunya bertajuk Berbudi Nilaian Murni dan Azimat Ibunda yang mendapat sentuhan Mohd Usaid b. Mohd Nor Rashid dan Mohd Hadri b. Sualaiman dan kedua-dua liriknya ditulis oleh Mohd

Afiq b. Masri.

Pada festival tersebut Universiti Kebangsaan Malaysia telah muncul sebagai johan dan diikuti Tempat Kedua disandang oleh universiti Utara Malaysia dan KUIM sebagai Johan Tempat Ketiga. Antara anugerah lain yang disampaikan adalah Anugerah Lirik Terbaik, Anugerah Lagu Terbaik, Anugerah Vokal Berharmoni dan Anugerah Vokal Terbaik, Majlis yang dirasmikan oleh YB. Dato' Abdul Razak b. Mansor, ahli Majlis Mesyuarah Kerajaan Negeri Sembilan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (EP&A), UPM dan Rektor, KUIM.

# Kualiti Al Biruni terus meningkat

**BANGI** (21 Mac) - Bilangan mahasiswa Kelab Al Boruni yang memperolehi CGPA kelas pertama pada semester pertama 2005/2006 adalah seramai 334 orang berbanding semester yang sdama pada sesi sebelumnya seramai 288 orang.

Lebih membanggakan seramai 59 orang dariapdanya adalah pelajar tahun akhir. Didapati, Fakulti Ekologi Manusia mencatat jumlah mahasiswa paling ramai iaitu 53 orang. Bacelor Sains Komputer pula mencatat bidang pengajian paling cemerlang iaitu seramai 40 orang.

Inilah berita baik yang perlu dijadikan 'role model' sebagai aspirasi wawasan negara yang berjaya dilahirkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diraikan dalam Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran Mahasiswa Cemerlang, pada semester 1 sesi 2005/06 dianjur oleh Kelab Al-Biruni, UPM, bertempat Ballroom Rafflesia, (ESSET), dekat sini.

Majlis kali kelima ini dirasmikan Prof. Madya Dr. Azali bin Mohamed,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dengan tujuan untuk meraikan mahasiswa cemerlang khususnya mahasiswa Melayu Bumiputra yang mendapat Purata Nilaian Gred Keseluruhan (PNGK) 3.75 dan ke atas.

Diharapkan bahawa program ini akan menjadi satu wadah yang mencetuskan semangat kepada mahasiswa UPM untuk mengekalkan kecemerlangan sedia ada dan meningkatkannya dari semasa ke semasa.

"Melalui program yang diadakan kali ini, dapat melihat bahawa mahasiswa pada hari ini mampu untuk mencapai kejayaan dengan cemerlang dari segi akademik dan ko-kurikulum. Malah juga cemerlang dari segi sahsiah dan penampilan diri sendiri yang diadakan sejajar dengan hasrat Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa UPM yang menitikberatkan kecemerlangan akademik, pembangunan sahsiah dan kebajikan mahasiswa," ucap Dr. Azali bin Mohamed sebelum menyampaikan sijil penghargaan dan hadiah kepada penerima kecemerlangan Al Biruni.

# UPM kerjasama anjur sukan kuda lasak

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'R'I

**SERDANG** (16-17 Dis) - "Melalui acara ini sukan kuda lasak dapat diperkenalkan dan mendapat galakan di kalangan rakyat Malaysia. Seterusnya, dapat mengikis tanggapan orang ramai bahawa sukan berkuda hanya untuk golongan elit sahaja," Presiden MERS, YM Raja Zainal Abidin Raja Hussin.

Pertandingan bertaraf antarabangsa yang diiktiraf Federation Equestre International (FEI), Lausanne, Switzerland berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM). Anjuran Persatuan Sukan Berkuda Lasak Malaysia (MERS) dan penganjur bersama Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Fei adalah badan dunia yang ditubuhkan untuk menaikkan taraf sukan equestrian ke seluruh dunia melalui usaha-usaha seperti pertandingan World

Equestrian Games, FEI 2006 World Cup Final yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun depan.

Perlumbaan bertempat di Bukit Ekspo, UPM Serdang dengan laluan (trek) di Trek Laluan kuda UPM, Ladang MARDI, dan Trek Laluan Kuda di UNITEN ini terbahagi kepada tiga kelas iaitu, kelas 1 - 120 km (diiktiraf oleh FEI), kelas 2 jarak sejauh 80 km dan kelas 3 dengan jarak 40 km.

Sebenarnya, UPM terlibat dalam sukan kuda lasak semenjak 2003. Pemilihan UPM sebagai tuan rumah pada kali ini sedikit sebanyak membantu mempromosikan UPM dalam Sukan Berkuda pada peringkat nasional.

Para peserta Akademi Equestrian Centre, ARL Sdn. Bhd, Bukit Kiara Equestrian & Country Club, Pasir Pelangi Riding School, Johor Horse Tail Raiding Centre, Malaysian Armed Forces & Riding Club, Malaysian Endurance Riding Society, Mardi Equestrian Centre, Perdana Beach Resort Riding Club, Ar-Raudah Ekuin Centre Sdn. Bhd.

Pejabat Setiausaha Sulit YTM Tengku Mahkota Kelantan, Pejabat Setiausaha Sulit DYMM Sultan Terengganu, Selangor Turf Club & Sport Centre, Selangor Polo & Riding Club, Sabaah eluin Association, Terachi Horse & Riding Centre.

Terengganu Endurance Ride, Unit Berkuda PDRM, Unit Berkuda DBKL, UTM Equestrian Centre (UTM EC), Unit Ekuin UPM, 3Q Equestrian Centre, Penn Equestrian, KEM Kembara Ulu Yam.

Para peserta dikehendaki menamatkan perlumbaan sejauh 120km dalam masa yang ditetapkan. Laluan bagi perlumbaan kelas 1 terbahagi kepada 5 pusingan iaitu, 35 km, 25 km, 25km, 20km, dan 15km.

Selepas melalui setiap pusingan, para peserta dikehendaki menyerahkan kuda tunggangan masing-masing untuk diperiksa oleh pihak veterinar. Antara pemeriksaan yang dijalankan ke atas kuda yang berlumba berkaitan jantung (heart rate), kandungan air badan, alasan metabolic, muscosus membrane, capillary refill.

Sekiranya keadaan kuda tidak memuaskan atau tidak mematuhi syarat-syarat veterinar, kuda tersebut tidak layak untuk meneruskan pertandingan. Dengan cara ini, kebajikan kuda sentiasa diberi keutamaan. Penderaan terhadap kuda tidak akan berlaku atau dibenarkan sepanjang pertandingan ini.

Seterusnya dapat peringkat memberi pendedahan, pengalaman dan pengetahuan dalam pengendalian aktiviti dan perjalanan pertandingan kepada staf dan pelajar khususnya daripada jurusan veterinar,

Ketua Taman Pertanian Universiti, UPM, Abdul Ghani berkata, pemilihan UPM sebagai penganjur bersama serta penggunaan kawasan kampus ini akan meningkatkan minat terhadap sukan berkuda di kalangan kakitangan dan mahasiswa UPM. Trek yang merangkumi kawasan dan pelbagai tanaman seperti pastura, ladang kelapa sawit, getah dan buah-buahan dapat mendedahkan peserta kepada cabaran lasak yang sebenar.

# Tingkatkan kemahiran diri untuk berjaya

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI  
Foto: Ahmad Fua'd Alwi

**SEPANG (4 Mac)** - "Gunakanlah pengalaman yang anda peroleh di kolej dan universiti untuk membangunkan negara selaras dengan wawasan yang ditetapkan. Manfaatkan peluang yang ada untuk terus memajukan diri dan sentiasa menambah ilmu pengetahuan yang dimiliki," Dato' Yahya A. Jalil, Pengarah Urusan Gerbang Perdana Sdn. Bhd.

Nasihat tetamu kehormat dalam Majlis Makan Malam Rasmi 2005/2006 Kolej Canselor ini diharapkan dapat mencambah minda dan menyedarkan semua mahasiswa tahun akhir tidak leka dengan kejayaan sekarang.

Pada majlis tersebut, Anugerah

Pelajar Terbaik Keseluruhan menjadi milik Ahmad Asif Saharuddin. Beliau aktif dalam debat Bahasa Melayu, English, sukan catur, tenis, hoki dan skuasy di peringkat kolej dan universiti.

Diikuti, Anugerah Kecemerlangan Akademik dimenangi Chong Sui Chun, Sumeeta China tambi dan Syahidatul Khafizah Mohd Hajarah. Anugerah Seri Canselor dimenangi Iqbal Izuddin Zulkifli dan Anugerah Khas Kepimpinan pula Md Zusmaidi Abdul Aziz dan Syahidatul Khafizah Mohd Hajarah.

Pengetua Kolej Canselor, Prof. Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata saya sentiasa mengharapkan agar kecemerlangan Kolej Canselor dan warganya dapat dikenalkan serta dipertingkatkan dari masa ke semasa.



Tetamu sedang berarak masuk.



Ahmad Asif bergambar bersama Dato' Yahya A. Jalil.

## Arggh.... ibu masuk hospital

SEDAR tak sedar hampir enam bulan aku tinggalkan dunia kampus iaitu Universiti Putra Malaysia. Rasanya baru semalam aku berkejaran untuk menghadiri kuliah mendengar syarahan pensyarah yang kadang kalanya menyeronokkan dan kadangkala membosankan tapi apa nak buatkan dah itu tanggung jawab kita dan salah satu sumber untuk mendapat ilmu. Tapi yang pastinya rakan-rakan kuliah yang paling best kukenali.

Selain ibu bapaku, mereka lahir sumber inspirasi dan pendorong untuk berjaya. Mana tidaknya mereka tidak pernah membezakan kedudukan, kebijaksanaan seseorang itu dan sering membantu tidak mengira masa serta sentiasa di samping ketika senang atau susah.

Selama tiga tahun di kampus hijau ini peristiwa yang paling tidak dapat dilupakan sehingga kini, apabila ibu kesayanganku dimasukkan ke hospital kerana kakinya terluka akibat terkena kaca. Peristiwa tersebut berlaku berapa hari sebelum raya tahun lepas. Waktu itu berada di semester akhir dan hanya menunggu untuk menghadapi peperiksaan akhir.

"Pada mula tidaklah teruk sangat tapi biasalah orang menghidap penyakit kecing manis luka sekecil mana pun tetapi teruk dan berbahaya apatah lagi kalau luka tersebut dah terkena jangkitan kuman. Lagipun ibuku ini masa raya ari tu rajin sangat nak tunai permintaan anak buahnya yang nak sangat rasa masakan kuah lontong," detik hatiku.

Nak tahu, dengan kakinya yang cedera itu kuah lontong tetap juga dimasaknya pada raya kedua!

Esoknya, kaki ibu mula Bengkok dan tak mampu hendak bergerak banyak sangat. Aku dan ayah membawa ibu ke klinik yang berhampiran kampung ku di Terengganu.

"Luka dah teruk dan kena bawa ke hospital. Kalau tak bawa ke hospital dengan segera kaki ibu kena potong sehingga ke paras lutut kerana kuman sudah sampai ke bertis. Lagipun, untuk mengelakkan kuman tidak merebak ke anggota yang lain," kata doktor.

Argh... argh... apa lagi mulalah aku dan ayahku panik dan hampir hendak menangis.

Sebaik sahaja ambil ubat yang

diberikan kami terus ke airport untuk balik segera dan terus ke hospital Putrajaya. Ini kerana selama ini ibuku mendapatkan rawatan di situ.

Tiba, di Hospital Putrajaya dan terus ke wad kecemasan hampir lima jam jugalah tunggu doktor. Lagipun waktu tu ada kes kematian dan kemalangan. Keskes macam tu diberi keutamaan dahulu.

Setelah berjumpa dengan doktor, ibu perlu menjalani pembedahan kecil di tepat lukanya dan ditahan untuk rawatan lanjut.

"Alhamdulillahlah, aku bersyukur sangat kerana luka tu tak teruk.. tak sampai kena potong kaki. Tapi sedih... tengok keadaan ibu waktu menahan kesakitan," rintih hati ku.

Hampir sembilan hari ibu kena tahan dekat hospital dan selama itu jugak aku berulang-alik ke hospital.

Perjalanan dirumah yang selama ini ibuku lakukan beralih sepenuhnya padaku. Dalam sibuk menjalankan tugas di rumah dan menjaga ibu, aku sempat mengulang kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan akhir aku yang waktu hanya tiga minggu untuk kutempuh.

Alhamdulillahlah, berkat menjaga ibu



Oleh: NOR ELLINA AB. RAZAK

dan doa-doa serta dorongan dari orang-orang yang menyayangi diri aku lulus dengan cemerlang peperiksaan akhir. Buat pertama kalinya, aku dapat kepujian dekan, cuba bayangkan hampir setiap semester aku cuba belajar bersungguh-sungguh untuk kepujian dekan tapi hanya semester akhir ku yang penuh dengan dugaan dan rintangan juga ku dapat kepujian dekan.

Betul kata orang setiap musibah yang kita hadapi pasti ada hikmah di sebaliknya. Setiap perbuatan yang baik akan dibalas dengan baik dan begitu sebaliknya. Dengan adanya peristiwa itu, ia dapat menjadikan diriku seorang yang tabah menghadapi dugaan dan sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan walaupun pelbagai rintangan yang dihadapi.

**PELANCARAN UTAMA SAMBUTAN 75 TAHUN UPM**

**23 MEI 2006 (SELASA)**

di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian  
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM

**ATUR CARA**

- |              |   |
|--------------|---|
| 9.30 pagi    | - Ketibaan Dif-dif Jemputan   |
| 10.10 pagi   | - Ketibaan Pengurus Lembaga Pengarah UPM  |
| 10.20 pagi   | - Ketibaan Pro Canselor   |
| 10.25 pagi   | - Ketibaan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia  |
|              | - Ketibaan Menteri Besar Selangor   |
| 10.30 pagi   | - Keberangkatan Tiba Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor   |
|              | - * Lagu Negeri Selangor  |
|              | - * Lagu Putra Gemilang   |
|              | - Bacaan Doa  |
|              | - Sembah Ucapan Alu-aluan oleh Naib Canselor UPM  |
|              | - Persembahan Tayangan Video 75 Tahun UPM   |
|              | - Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor Berkenan Menyampaikan Titah Perasmian Sambutan 75 Tahun UPM dan Pelancaran Pembinaan Menara Jam Warisan Budu |
|              | - Persembahan Tayangan 3D Menara Jam  |
|              | - * Lagu Negeri Selangor  |
|              | - Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor Berangkat Melawat Pameran 75 Tahun UPM   |
| 12.30 t/hari | - Santapan/Jamuan   |

**\*Dif-dif Dikehendaki Berdiri Hormat**

Semua warga UPM dan orang ramai dijemput hadir meraikan **PELANCARAN UTAMA SAMBUTAN 75 TAHUN UPM**.

**Mungkin selama ini anda tertanya-tanya cara untuk menjadi Personaliti Akhbar *Tribun Putra* (Muka surat).** Anda mempunyai bakat dan ‘nilai berita’ untuk dijadikan ikon mahasiswa UPM dan berminat untuk menjadi personaliti *Tribun Putra*. Hubungi sidang pengarang tribunputra (03-89466013) atau emel kepada tribunputra\_bkk@yahoo.com

Anda ingin memberi pendapat terhadap sebarang isu semasa negara atau yang ada signifikan dengan mahasiswa. Tulis dan hantar kepada tribunputra\_bkk@yahoo.com Perlu sertakan nama penuh, nombor telefon dan alamat anda.

**PERTANDINGAN MEMANCING**  
**JUBLI INTAN UPM | SEMPENA SAMBUTAN 75 TAHUN UPM**  
**28 MEI 2006 (AHAD) : 8 pg - 1 tgh; Kolam UPM**



**1RM 10, 000**  
**2RM 4, 000**  
**3RM 2, 000**

**4RM 500**    **9RM 250**  
**5RM 450**    **10RM 200**  
**6RM 400**    **11RM 150**  
**7RM 350**    **12RM 100**  
**8RM 300**

**13RM 60**    **18RM 60**  
**14RM 60**    **19RM 60**  
**15RM 60**    **20RM 60**  
**16RM 60**  
**17RM 60**

**30**  
cabutan bertuah!  
013-6294702  
019-9148961  
012-6787416

**pertanyaan:**  
012-2372742  
019-9148961

# Sektor korporat perlu bantu pertanian

*"Bidang bioteknologi adalah salah satu pasarana yang membolehkan sektor korporat untuk memainkan peranannya untuk membantu pihak kerajaan".*

*Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid*

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI

**9 Mac 2006 (Khamis)** - "Seperti ahli akademik yang mengendalikan penyelidikan berkenaan pertanian untuk beberapa dekad, saya juga terlibat dalam industri perniagaan pertanian sudah bertahun-tahun dan saya harap dengan ucapan saya hari ini dapat memberikan prespektif mengenai peranan pihak korporat dalam industri pertanian" kata Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid yang hadir atas jemputan Yayasan Pak Rashid

yang dikendalikan oleh Pusat Kerjaya dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Panggung Percubaan UPM.

Beliau turut memberikan ucapan beliau berkenaan 'Sektor Korporat dan Pertanian' berdasarkan pengalaman beliau terlibat dalam industri pertanian. Dalam ucapan beliau, beliau menyatakan sektor pertanian ini adalah salah satu sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia.

Menurutnya lagi, masyarakat perlu berfikiran progresif bahawa pertanian adalah salah satu aktiviti ekonomi yang

memperolehi potensi dalam menjana ekonomi negara. Bidang bioteknologi adalah salah satu pasarana yang membolehkan sektor korporat untuk memainkan peranannya untuk membantu pihak kerajaan.

Turut hadir Naib Canselor UPM, Prof. Nik Mustafa Raja Abdullah, Dato' Mohd Noor Hj Ismail, Pengurus Alumni UPM dan Prof. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Rashdan Baba.

## Lengkapkan diri dengan ilmu protokol

**SERDANG (8- 9 April)** - Dengan tujuan untuk mendedahkan kepada peserta tentang aspek protokol di dalam pengurusan dan pengendalian pelbagai majlis sebagai satu kemahiran tambahan dan perlu diketahui oleh semua individu, Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa, Universiti Putra Malaysia menganjurkan Kursus Protokol dan Etiket Sosial bertempat di Dewan Sri Pulasan, Kolej Keenam UPM.

Antara peserta yang terlibat Pegawai Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa, Pengurus/Penolong Pengurus Kolej, Felo Kolej, Majis Tertinggi Mahasiswa Kolej dan mahasiswa terpilih.

Antara pengisian program sepanjang dua hari tersebut adalah makluman umum mengenai Protokol dan Etiket, aplikasinya dalam kehidupan seharian (dalam pergaulan, dalam menghadiri pelbagai majlis dan dalam melaksanakan sesuatu majlis formal atau tidak formal), menanam serta membina perasaan yakin kepada diri sendiri dan penyesuaian diri dalam pelbagai situasi dan majlis serta mengikatkan imej diri dan penyesuaian diri dalam pelbagai situasi dan majlis serta meningkatkan imej diri dan organisasi yang dianggotai.

# Subsidi Minyak Lebih Tinggi. Adakah Membebangkan Rakyat?

Berdasarkan pengiraan yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), menyatakan bahawa beban subsidi yang ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh dua bulan ini (Januari-Februari 2006) sahaja mencapai sebanyak RM 644 juta.

Oleh: MOHD ASHZAHLIR IHKRAM  
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA, UPM

Saya sebagai seorang mahasiswa terpanggil untuk membicarakan isu minyak yang kian mendapat liputan meluas oleh akhbar dan media elektronik mutakhir ini. Rata-rata rakyat kebanyakannya ada yang mengeluh malah ada yang kecewa dengan kenaikan harga minyak ini dalam pasaran negara kita. Sememangnya hal ini tidak dapat dijangka, dan kita sebagai rakyat harus sedar pasaran komoditi bagi bahan mentah ini melambung tinggi harganya di pasaran dunia.

Kerajaan banyak menanggung beban

subsidi petroleum berikutan kenaikan harga bahan mentah tersebut. Hal ini menyebabkan kerajaan memberi subsidi ke atas produk petroleum bagi memastikan harga runcit dalam negara berada pada paras berpatutan dan mengurangkan beban rakyat. Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan E-Nelayan dan 'Fleetcard' (hanya 21 kategori kenderaan perdagangan yang layak) mengikut Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) sebagai langkah alternatif yang wajar. Langkah ini diperkenalkan dengan tujuan mengatasi masalah penyeludupan subsidi diesel. Selain itu, 21 kategori kenderaan yang layak ini adalah berdasarkan pengangkutan yang membawa barang pengguna. Kebaikan penggunaan 'Fleetcard' ialah harga barang pengguna dapat dikawal dan

tidak boleh dinaikkan dengan sewenang-wenangnya jika berlaku peningkatan harga minyak, seterusnya dapat mengurangkan kadar inflasi dalam negara.

Berdasarkan pengiraan yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), menyatakan bahawa beban subsidi yang ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh dua bulan ini (Januari-Februari 2006) sahaja mencapai sebanyak RM 644 juta. Perbezaan di antara aliran harga runcit gas petroleum cecair (LPG) dengan harga sebenar LPG sekilogram bagi Februari 2006 masing-masing adalah RM 1.45 sekilogram dan RM 3.07 dengan mencatat perbezaan RM 1.62 sekilogram. Perbezaan ini sahaja jelas menunjukkan kerajaan terpaksa menanggung jauh lebih

tinggi berbanding harga runcit yang telah ditetapkan di pasaran. Kerajaan juga telah pun menetapkan tidak ada lagi kenaikan hanya minyak petroleum untuk tahun ini dengan kadar yang konsisten.

Sesungguhnya, kerajaan prihatin demi menjaga kepentingan rakyat. Oleh yang demikian, kerajaan berusaha sedaya upaya untuk mengawal permasalahan yang dihadapi oleh pengguna dengan menyediakan subsidi bagi meringankan beban pengguna terhadap produk petroleum ini. Kerajaan juga mengusulkan rakyat supaya berjimat cermat menggunakan bahan api ini di samping dengan langkah menggunakan pengangkutan awam sebagai alternatif untuk urusan ke tempat kerja sehari-hari.

# UPM jelas status wanita semasa dan Islam Hadhari

Oleh: NOR ELLINA AB RAZAK

**SERDANG (25-26 MAC)** - "Saya berharap seminar ini dapat menghasilkan input yang positif dan pencambahan minda yang berguna di kalangan mahasiswa dan masyarakat terutamanya yang menyentuhkan persoalan wanita semasa dan pelbagai isu yang berkaitan kewanitaan yang perlu difahami, diketengahkan seterusnya diberi penjelasan supaya tidak timbul sebarang kekeliruan dalam kehidupan bermasyarakat", kata Prof. Dr. Nik Mustapha Bin R. Abdullah, Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau berucap dalam Seminar Wanita Semasa dan Pendekatan Islam Hadhari (Memperkasa Wanita Hadhari) anjuran Pusat Islam UPM dengan kerjasama Sekretariat Islam Hadhari, Yayasan Islam Hadhari (Projek khas YAB Perdana Menteri) berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Pendidikan Luar, UPM.

Perasmian Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman, Penasihat Agama Islam Bertaraf Menteri kepada YAB Perdana Menteri.

Objektif seminar ini adalah memberi pendedahan kepada setiap wanita tentang pentingnya mereka memahami dan menghayati pendekatan Islam Hadhari dan peranan wanita masa kini agar mereka dapat melaksanakan tuntutan dan perintah Allah s.w.t dengan baik dan sempurna, di samping melaksanakan tugas, tanggungjawab dan kewajipan sebagai wanita secara berkesan kearah Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Latar belakang seminar ini dirancang dan difokus kepada kakitangan UPM, mahasiswa UPM, mahasiswa bukan UPM, dan kakitangan kerajaan atau NGO tentang kecemerlangan modal insan di kalangan wanita serta menyedarkan wanita tentang kepentingan peranan mereka dalam konteks kemajuan dan pembangunan negara.



Dato' Dr. Abdul Hamid sedang menerima penghargaan daripada Naib Canselor UPM.

# UPM meterai MoU dengan Universitas Airlangga, Indonesia

*"Majlis MoU ini merupakan perkongsian pintar bagi kedua-dua pihak untuk memajukan bidang pendidikan dan dapat menggalakkan promosi pendidikan UPM kepada negara luar,"*

Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI  
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

**SERDANG (21 Februari)** - Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mempertingkatkan usaha dan kerjasama dalam bidang pendidikan veterinar dan seterusnya dapat menggalakkan pertukaran intelektual antarabangsa dengan universiti tempatan berjaya dimeterai di antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia (UNAIR).

Majlis yang berlangsung di Pusat Pendidikan Luar, UPM ini mencatat sejarah sebagai satu-satunya MoU untuk meningkatkan bidang veterinar Institut Pengajian Tinggi negara berkuat kuasa selama lima tahun.

Bagi pihak UPM, Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Dr.


Mohd Zamri Saad menandatangani dokumen perjanjian tersebut.

UNAIR yang hadir seramai 14 pegawainya pula ditandatangani Rektor, Prof. Dr. Med. Dr. Puruhito dan Dekan Fakultas Kedoktoran Haiwan, Prof. Dr. Ismudiono.

Scara jelasnya, kedua-dua pihak saling bersetuju untuk mengadakan program pertukaran pelajar, maklumat pengajaran dan penyelidikan, pegawai pentadbiran dan bekerjasama menjalankan kajian yang dikenal pasti bermanfaat untuk memajukan bidang veterinar untuk kedua-dua buah negara.

"Majlis MoU ini merupakan perkongsian pintar bagi kedua-dua pihak untuk memajukan bidang pendidikan dan dapat menggalakkan promosi pendidikan UPM kepada negara luar," Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah

Kesungguhan UPM ini disambut baik



Sepakat.... kedua-dua pihak saling berjabat salam.

oleh Prof. Dr. Med. Dr. Puruhito yang mengatakan dalam ucapannya, semua institusi pendidikan perlu bekerja keras dan maju seiring dengan arus globalisasi bagi memastikan tahap kualiti pelajar, pegawai dan bidang penyelidikan tidak ketinggalan zaman.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Dr. Mohd Zamri Saad, berkata, MoU ini meningkatkan lagi reputasi program, pelajar dan pegawai Fakulti Perubatan Veterinar yang satu-satunya ada di Malaysia ini dan fakulti

pertama yang berjaya memperoleh persijilan ISO9001:1994 di UPM.

Sehingga kini, Fakulti Perubatan Veterinar UPM menawarkan program Doktor Perubatan Veterinar dan dilengkapi dengan Hospital Veterinar Universiti yang menjadi pusat rujukan kes veterinar dari seluruh Semenanjung Malaysia serta berjaya melahirkan graduan yang mahir sebagai pegawai veterinar atau pegawai penyelidik dalam pelbagai industri ternakan, aspek perubatan veterinar yang meliputi penyakit haiwan dan pengawalan penyakit



"Ingatlah, cabaran dunia pasca-kampus lebih getir. Tiada yang dapat membantu diri kita untuk terus bergerak maju melaikan ilmu, pengetahuan dan keupayaan diri sendiri. Gunakanlah setiap inci pengetahuan dan pengalaman yang ditimba semasa di universiti sebagai perisai menghadapi cabaran di luar sana",

Dato' Noraini Ahmad.

## Warga B'HEM perlu proaktif bekerja

*"Kualiti mestilah disahkan melalui mata kasar kerana ia merupakan sesuatu yang sangat diperlukan dalam penerimaan dan pemberian perkhidmatan atau barang. Oleh itu, dalam usaha membantu universiti melahirkan graduan berkualiti, sokongan dan paduan tenaga kerja dari segenap lapisan jawatan perlu digembangkan," Hj. Ghazali.*

Oleh: NOR ELLINA AB. RAZAK

Foto: Ahmad Fua'd Alwi

SERDANG (10 Mac) — Sebagai meneruskan kesinambungan untuk memberi sumbangan kepada penerokaan ilmu dan kemajuan manusia serta pembentukan kekayaan dan pembangunan negara, Prof Madya Dr. Azali bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) menyampaikan Perutusan Tahun 2006, di Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM baru-baru ini.

"Saya menyeru kepada semua warga Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa (BHEM) berusaha memberikan sumbangan maksimum potensi masing-masing. Kita

harus sedar kewujudan B'HEM adalah untuk menambah nilai kepada mahasiswa kita yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan," kata perangsang Dr. Azali Mohamed.

Perubahan terkini menyaksikan pertukaran beberapa pegawai universiti termasuk di Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa. Pertukaran ini diharapkan dapat menambah lagi kecemerlangan BHEM. Diikuti, mewujudkan seksyen baru iaitu Seksyen Pembangunan Sahsiah bertujuan untuk membantu melahirkan mahasiswa yang berketrampilan unggul.

"Tahun ini juga kita perlu bekerja kuat untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2000 dan dalam masa yang sama sudah tentu kita akan sibuk dengan tugas-tugas hakiki serta melaksanakan program-



Ucapan oleh Dr. Azali menuntut sepenuh komitmen warga B'HEM

program bagi pembangunan sahsiah mahasiswa kita. Cabaran ini haruslah disambut oleh semua staf BHEM dan kita harus bertindak sebagai manusia yang kelas pertama. Adalah perlu semua staf saya, mampu menjangka perkembangan dan bertindak dengan lebih proaktif. Kita perlu menjadi pekerja yang kompeten serta bersikap positif agar mampu menangani segala perubahan yang ada," tambahnya lagi.

Tiga komponen utama misi BHEM turut diumum. Pertama, mengasah dan mengangkat martabat keterampilan ataupun nilai-nilai tambah mahasiswa. Kedua terpenting di peringkat fakulti dan komponen yang ketiga ialah perkhidmatan korporat ataupun 'corporate services' seperti Pusat Kesihatan Bahagian Keselamatan dan sebagainya.

Menurutnya lagi di hadapan semua warga BHEM, kita mesti berterusan menjadi pekerja yang kreatif, inovatif dalam mengukur tugas kita. Kita juga mesti memberikan yang terbaik dan bekerja dalam satu pasukan untuk mencapai kejayaan. Jadilah pekerja yang bermaklumat dan peka tentang perubahan yang berlaku agar segala urusan kerja tiada kesilapan.

Beliau menegaskan di akhir ucappannya, kita semua mempunyai peranan yang penting di peringkat masing-masing untuk memastikan kerja-kerja yang masa yang ditetapkan. Segala urusan kita hendaklah menyumbang ke arah pencapaian visi, misi dan objektif universiti. Seterusnya, kita harus mengorak langkah ke hadapan dengan lebih bersemangat dan berusaha agar lebih terbilang.



Pemberian penuh simbolik... Joliah Hussin, Omar Osman memberikan cenderahati kepada Ketua Menteri Melaka (berita selanjutnya di muka surat 19)

Foto: Abu Kassim Zaini

## SAMBUTAN PERAYAAN

### Jubli Intan

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

# 2006

